

- [Home](#)
- [Artikel](#)
- [Audio](#)
- [Beli Buku](#)
- [Hubungi](#)
- [Iklan](#)
- [MODUL STC](#)
- [Biodata](#)
- [Log in](#)

« [Julai 6, Sanah Helwah ya Bunayy.](#)
[Selamat Pagi Malaysia @ RTM1 8:30am](#) »

Agenda Tarbiyah vs. Cita-cita Siasah

[Abu Saif](#) | 07/07/2008 | 2:49 am | 8,719 views | [Print](#) | [Email](#)



Saya sedang memikirkannya secara serius.

Apakah akan sampai satu hari nanti PAS terpaksa memisahkan identiti TARBIYAHnya daripada identiti SIASAH? Pemisahan bukan kerana pemisahan prinsip pada cabang-cabang pemikiran Niccolò Machiavelli dalam Siasah dan Sayyid Qutb di dalam Tarbiyah. Bukan begitu. Pemisahan yang saya maksudkan itu adalah pemisahan yang terbit dari kegagalan menserasikan gerak kerja siasah berbanding cita-cita Tarbiyah.

Wujudkah idea atau masalah seperti ini?

Jawapan saya, YA.

Ada yang wujud secara terancang dan ada juga yang wujud secara tidak terancang.

Biar saya sentuh tentang sampel perbandingan ini, setelah saya selesai menjelaskan mengapa isu ini saya kaitkan dengan survival PAS.

SENARIONYA

Dalam ribut dan hujan itu, kita berasa kagum dengan kepelbagaian spesis yang duduk sekapal. Kagum sekali di dalam kempen PAS, kaum Cina dan India memenuhi ruang. Terkasima melihat pemuda India bermotor mengibarkan bendera PAS di sana sini. Malah terkejut sekali melihat kekecewaan kaum Cina tatkala Lim Kit Siang buat masalah dengan Istana Perak.

Segala perbezaan agama, bangsa dan ideologi nyata tidak relevan tatkala sasarannya ialah kezaliman BN yang mesti ditumbangkan.

Sunnatullah, kerjasama dalam pasukan sentiasa lebih utuh dari bergerak sendirian. Hasilnya luar biasa, lima negeri dan satu Wilayah Persekutuan tersungkur dan kini terwarta sebagai wilayah Pakatan Rakyat.

Jika sebelum ini kita uzurkan perbezaan kerana mahu menumbangkan kezaliman, kini kita sedang teruji untuk mendamaikan perbezaan kerana mahu menegakkan keadilan.

Di sinilah terbitnya warna warni sebenar kita. PKR dimomok-momokkan sebagai 'belum hilang budaya UMNOnya'. DAP pula kelihatan belum bersedia untuk lebih berwajah nasional dan PAS pula, semakin dipersoalkan sejauh manakah mereka telah berubah, atau hakikatnya masih sama seperti sebelumnya.

Semenjak di awal kempen PRU12, saya sudah pun membangkitkan tentang perlunya perubahan yang dilakukan oleh PAS, didokumentasikan dalam bentuk yang jelas. Apakah sebenarnya yang berlaku hingga PAS berubah? Atau mungkin boleh dipatah balikkan soalan itu kepada, apakah sebenarnya PAS sudah

<http://saifulislam.com/?p=2202>

Go

SEP JAN SEP

02

2008 2010 2011



Soalan-soalan ini terbiar tanpa penjelasan yang menghasilkan diam. Memang : nyataan-kenyataan dibuat oleh satu dua atau tiga orang pemimpin PAS tetapi ia masih kekal sebagai kepingan puzzle yang belum dikenal pasti apakah gambaran akhirnya.

- Apakah perubahan pendekatan PAS dari perjuangan Negara Islam kepada Negara Berkeadilan itu kesan daripada keputusan PAS terhadap konsep Negara Islam yang diperjuangkannya?
- Apakah perubahan pendekatan PAS itu adalah sebagai strategi sementara tatkala PAS belum ada upaya untuk bersendirian memperjuangkan apa yang ingin diperjuangkannya? Lantas demi mencari teman perjuangan, PAS mengubah suai pendekatan untuk mencari *common language* ?
- Apakah perubahan pendekatan PAS itu adalah taqiyyah ? Berpura-pura berubah untuk meraih kemenangan dan seandainya kekuatan yang terhasil memungkinkan dirinya untuk bertindak, maka PAS akan kembali kepada dirinya yang sebelum ini?
- Atau apakah perubahan pendekatan PAS itu adalah kerana pendefinisian semula yang dilakukan oleh PAS terhadap apa yang dimaksudkannya sebagai Negara Islam, Politik Islam dan sistem hidup Islam? Jika benar ia suatu pendefinisian, apakah ia sesuatu yang positif atau negatif?

Persoalan-persoalan ini sudah pernah saya ketengahkan, khususnya di dalam artikel pasca PRU12 seperti "[MENJERNIHKAN PERUBAHAN PAS – DAP](#)". Keperluan kepada analisa terperinci terhadap motif perubahan PAS semasa PRU12 itu menjadi lebih kritikal apabila ia dirujuk kepada aspek perkaderan dan pembentukan fikrah ahli-ahli gerakan Islam, khususnya PAS sendiri.

Di dalam bahasa Tarbiyah, apakah yang dimaksudkan dengan perubahan-perubahan ini?

KESAN KESAMARAN

Apabila kesamaran itu dibiarkan, ia memutikkan permasalahan apabila PAS mula masuk ke gelanggang kerja.

Tidak ada pihak yang mampu mendakwa bahawa kemenangan Pakatan Rakyat di dalam PRU12 itu adalah kemenangan kumpulannya.

kepada prinsip-prinsip yang adil dan saksama. Malah PAS juga masih terkenang-kenang betapa nostalgianya PRU12 apabila bulan purnama dan laungan Takbir disohorkan bukan lagi oleh Melayu (berketayap) semata-mata malah segala jenis Melayu, dan ditambah dengan bukan Melayu dan bukan Muslim.

Selepas kepelbagaian itu mencetuskan momentum kemenangan, bagaimanakah kepelbagaian itu menuntut *ghanimah* selepas pilihanraya? Di sinilah terujinya semua pihak.

Dari perspektif PAS, bagaimanakah sikap dan pendekatannya untuk menguruskan kepelbagaian kawan dan lawan selepas menjadi kerajaan memerintah? Mampukah *performance* PAS mengalihkan lawannya menjadi kawan? Sejauh manakah PAS mampu mengekalkan kawan sebagai kawan dan apakah ada kawan yang berubah menjadi lawan? Kesemuanya ini memerlukan kepada kemampuan tahap tinggi oleh PAS untuk mengaturnya.

KONSERT MAS IDAYU DAN ELLA

Baru-baru ini Selangor dipanaskan dengan bantahan Pemuda PAS Negeri terhadap konsert Mas Idayu dan Ella sempena perlawanan bolasepak Piala Sultan Selangor. Bantahan ini menjadi satu kes yang jelas untuk dijadikan sampel kepada pertembungan di antara hasrat TARBIYAH dan tindak tanduk SIASAH yang saya perkatakan di awal artikel ini.

Tentu sahaja, di atas kefahaman dan pegangan yang berpaksikan kepada TARBIYAH, apa yang dilakukan oleh Pemuda PAS Selangor itu merupakan tindakan yang berasaskan kepada prinsip amar maa'ruf nahi munkar. Hubungkait tindakan itu dengan kehendak teks TARBIYAH amat jelas. Namun persoalannya ialah, sejauh mana tindakan itu tepat pada ukuran SIASAH? Mahu tidak mahu, ia harus dipertimbangkan dari sudut SIASAH kerana PAS bukan gerakan dakwah semata-mata, tetapi ia adalah sebahagian daripada kerajaan yang memerintah.

Sebagai sebuah kerajaan yang memerintah, apakah tiada pendekatan lain yang lebih sesuai untuk tindakan amar maaruf dan nahi munkar dilakukan agar SIASAHnya tidak lari? Bantahan, memorandum, pemulauan, mungkin merupakan tindakan yang diambil oleh pihak yang tiada akses kepada kuasa eksekutif. Ia sesuai menjadi agenda pembangkang. Tetapi selepas menjadi pemerintah, apakah tidak mungkin bantahan itu dilakukan dalam format tindakan sebuah kerajaan?

Justeru timbul dua persoalan.

Apakah tindakan amar maaruf nahi munkar dengan format pembangkang itu dipilih kerana PAS terlupa yang dirinya sudah menjadi kerajaan yang memerintah (sebahagian jika tidak semua, dalam konteks Selangor). Atau PAS tidak mempunyai pengaruh untuk mempengaruhi rakannya di dalam PKR dan DAP agar menilai kembali konsert tersebut?

Atau mungkin boleh ditimbulkan soalan ketiga iaitu, apakah ada kemungkinan satu tindakan di luar kotak adalah apa yang diperlukan untuk menangani masalah ini (masalah Mas Idayu, atau Ella, atau artis, atau konsert, atau apa sebenarnya?)

Mahu tidak mahu, kita tidak harus mengenyepikan pengaruh artis dan industri hiburan dalam keupayaannya mempengaruhi masyarakat. Cukuplah beberapa orang artis bergiat secara aktif membantu BN di dalam kempen PRU12 yang lalu. Kita tidak mahu artis bergabung pula menentang Pakatan Rakyat atau PAS itu sendiri. Kita tidak mahu dan tidak perlu menambah musuh.

Tentu sahaja saya tidak berada di posisi terbaik untuk menyatakan alternatif yang sepatutnya diambil oleh Pemuda PAS Selangor atau PAS Negeri sendiri. Justeru, pandangan yang dikemukakan ini hanyalah sumbangsaran fikiran yang dicetuskan sebagai bahan fikir yang kecil dan kerdil.

Sebagai sebahagian daripada kerajaan yang memerintah, apakah tidak mungkin Kerajaan Negeri Selangor 'memanggil' artis melalui pertubuhan-pertubuhan mereka untuk berdialog?

menyuntik sesuatu yang lebih positif kepada masyarakat. Jangan dibelenggu dengan mesej-mesej yang melemahkan fikiran dan semangat rakyat untuk hidup. Sebaliknya gunakanlah kreativiti masing-masing untuk menghasilkan karya yang boleh menyuntik momentum survival kepada masyarakat.

Dalam erti kata yang lain, iktiraf peranan artis dan orang seni, berikan projek kepada mereka sesuai dengan 'kelebihan' yang mereka ada. Kemudian dalam masa yang sama, suntikkan nilai-nilai yang secara berperingkat boleh mengubah *mindset*, *world view*, paradigma mereka terhadap kehidupan... sesuai dengan hakikat manusia yang diciptakan Tuhan sebagai makhluk *inside-out*.

Perubahan harus datang dari dalam.

Di dalam masa yang sama, soal penguatkuasaan harus juga berjalan. Hiburan yang terlalu melampau, harus dipantau dan diambil tindakan. Namun pembaris yang mahu diguna oleh sebuah gerakan Islam yang menjadi kerajaan memerintah haruslah seimbang di antara tuntutan TARBIYAH dengan SIAHAH.

SEDAR TENTANG SOKONGAN

Sebahagian golongan Salafi tidak perasan bahawa segelintir yang menyokong mereka bukanlah kerana Islam yang mereka bawa, sebaliknya kerana titik sepakat mereka yang menentang tradisionalisma dan anasir-anasir konservatif di dalam masyarakat dan kehidupan beragama. Begitu jugalah PAS harus sedar bahawa sebahagian daripada mereka yang memberikan sokongan kepada mereka bukanlah kerana Islam yang mereka bawa, tetapi di atas titik sepakat semua yang menentang BN, sama ada kerana kezaliman mereka, atau sifat sesetengah golongan muda yang memang *anti establishment*.

Tatkala BN memerintah, mungkin sahaja BN menjadi sasaran golongan *anti establishment* ini. Dan apabila Pakatan Rakyat mentadbir, tidak mustahil kerajaan yang baru ini pula menjadi sasaran kumpulan ini. Itu yang saya fikirkan tatkala mengamati insiden yang berlaku di Kelana Jaya hari ini (6 Julai 2008).

You need to a flashplayer enabled browser to view this YouTube video

Justeru di mana hujung pangkal masalah ini untuk suatu tindakan yang berkesan boleh diambil? Saya tidak ada jawapan yang mudah untuknya.

Tetapi saya ingin membawa kita semua kembali kepada isu pokok, iaitu agenda menserasikan kehendak TARBIYAH dengan SIAHAH.

PAS dan mana-mana gerakan Islam tidak akan bertemu dengan konflik ini selagi mana ia duduk sebagai pembangkang. Hal ini akan hanya timbul apabila sebuah gerakan Islam berjaya sampai kepada kuasa. Prinsip-prinsip yang mendominasi TARBIYAH sebuah gerakan Islam, akan teruji dengan realiti yang harus ditadbirnya dengan mandat SIAHAH yang diterima. Mungkin berjaya, mungkin sebaliknya.

SAMPEL TERANCANG

Di negara seperti Jordan, Al-Ikhwan al-Muslimun sebagai sebuah gerakan Islam memisahkan identiti TARBIYAH daripada identiti SIAHAH.

Ditubuhkan seawal 1942, Al-Ikhwan al-Muslimun Jordan kekal bertahan dan terselamat daripada tindakan-tindakan pengharaman oleh Istana dan kerajaan yang memerintah, yang mana salah satu strategi yang diguna pakai, adalah mewujudkan entiti politik yang berasingan, dikenali sebagai *Jabhah al-'Amal al-Islami* atau *Islamic Action Front*. Penubuhannya secara rasmi pada tahun 1992 menjadikan *Jabhah al-'Amal al-Islami* dan Ikhwan, bergerak secara berasingan biar pun kedua-duanya mendokong idealisma yang sama.

Secara mudahnya, al-Ikhwan al-Muslimun bergerak dengan agenda TARBIYAH mereka manakala *Jabhah al-'Amal al-Islami* pula menjadi platform politik. Ahli kepada al-Ikhwan al-Muslimun tidak dibebankan dengan tanggungjawab untuk menceburkan diri ke arena politik dengan menjadi calon *Jabhah al-'Amal al-*

Keadaannya agak berbeza apabila kita mengambil gerakan Islam di Turki sebagai kajian. Hingga ke akhir 90'an, gerakan Islam di Turki mempunyai banyak persamaan dengan Malaysia. Penglibatan Parti Refah di dalam politik Turki amat mirip kepada penyertaan PAS di dalam politik di Malaysia.

Akan tetapi, tekanan-tekanan yang amat dahsyat telah mendesak gerakan Islam di Turki untuk menyemak kembali pendekatan dan agenda mereka. Persoalan *form and substance* menjadi titik penting yang dianalisa oleh pendukung-pendukung Refah yang kemudiannya beralih ke Fazilet selepas pengharaman Refah pada tahun 1998. Desakan untuk menilai pembawaan mereka menjadi lebih kritikal apabila Fazilet pula diharamkan pada tahun 2001.

Tekanan dari luar dan dalam mendesak tokoh-tokoh seperti Necmettin Erbakan, Recep Tayyip Erdogan, Abdullah Gul, Recai Kutan dan lain-lain duduk mencari solusi. Apakah satu parti baru mahu dibentuk dengan *form and substance* yang sama dengan Refah dan Fazilet, atau bagaimana?

Di sinilah berlakunya pertembungan di antara cita-cita TARBIYAH dengan SIAHAH. Necmettin Erbakan dan barisan 'Old Guards' politik Islam di Turki mahu supaya mesej asal perjuangan mereka diteruskan. Persoalan Negara Islam, pelaksanaan Syariat Islam, menjadi sesuatu yang diperjuangkan secara jelas, sekurang-kurangnya mirip kepada slogan-slogan Refah dan Fazilet sebelumnya.

Manakala generasi muda seperti Erdogan pula mahu pendekatan yang lebih realistik diambil tanpa membelakangkan nilai-nilai Islam itu sendiri.

Mereka gagal mencapai kata sepakat.

Akhirnya kerjasama yang wujud selama ini retak dan dua pembawaan itu terpaksa membawa haluan masing-masing. Aspirasi TARBIYAH Necmettin Erbakan dimanifestasikan dengan penubuhan Parti Saadet di bawah kepimpinan Recai Kutan. Manakala pendekatan SIAHAH baru dengan *form and substance* yang baru pula diterjemahkan dengan penubuhan Parti Adalet ve Kalkinma (AKP) yang diterajui oleh Recep Tayyip Erdogan.

Hari ini, jika mahu dibandingkan PAS di Malaysia dengan Turki, apakah PAS lebih mirip kepada Saadet atau AKP? Masih sulit untuk soalan sebegini dijawab.

Apakah ia suatu keuntungan kepada survival Islam di Turki?

Masih sulit untuk kita berikan jawapan. Di dalam Pilihanraya Umum 2007, cita-cita baru yang diperjuangkan oleh SIAHAH AKP telah berhasil mencapai 46.66% undian. Manakala Parti Saadet dan cita-cita TARBIYAHnya hanya berhasil memperolehi 2.34%.

Persimpangan yang memisahkan agenda TARBIYAH dengan survival SIAHAH di Turki berlaku dalam suasana perpecahan dan tidak terancang.

BAGAIMANA PAS DAN MALAYSIA

Soalnya, apakah keadaan yang berlaku ke atas Al-Ikhwan al-Muslimun dan kumpulan-kumpulan Islam di Turki, akan juga berlaku ke atas PAS di Malaysia? Sejauh manakah kehendak-kehendak Islam yang diperjuangkan PAS di dalam agenda TARBIYAH, mampu dipertahankan ketika memegang mandat SIAHAH sebagai kerajaan yang memerintah?

Seandainya pemisahan identiti TARBIYAH dan SIAHAH ini merupakan sesuatu yang tidak boleh dielakkan, maka apakah PAS akan memilih pemisahan secara terancang, atau menunggu hingga datang unsur terpaksa dan kemudiannya menyebabkan berpecahnya dua aliran ini?

Jika PAS meyakini bahawa kehendak TARBIYAH dan SIAHAH tidak pernah bergesel dan isu yang ditimbulkan ini langsung tidak relevan dengan realiti yang ada, maka sikap-sikap PAS selaku pemerintah

Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam [Al-Anbiyaa' 21: 107].



Ingin berkongsi usaha menggerakkan server Saifulislam.Com? Perkongsian anda kami dahulukan dengan ucapan jazakumullaahu khair al-jazaa'

Hak cipta terpelihara. Setiap artikel yang tersiar di Saifulislam.Com dihasilkan untuk tujuan pendidikan dan bersifat non-komersil. Pembaca bebas menyalin dan menyebarkan artikel yang terdapat di sini, namun alamat Saifulislam.Com hendaklah disertakan bersama untuk memudahkan proses rujukan. Manakala untuk penerbitan semula dan berorientasikan komersil, setiap bahagian daripada artikel ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara bercetak, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya, tanpa izin SAIFULISLAM.COM terlebih dahulu.

ABU SAIF @ www.saifulislam.com
68000 Ampang, Selangor



SHARING IS CARING:

-

 [TwitThis](#)
 [YahooMyWeb](#)

- -
 -
 -
 -
- Related posts:
1. [Manhaj Salaf Tidak Melurus Bendulkan Siasah](#) Jika tidak banyak yang dapat saya belajar semasa menuntut...
 2. [Kausa Prima Sebuah Agenda](#) “Masalah kita tidak selesai kerana kita masih masyarakat pengguna. Belum...
 3. [Agenda 2008: Apa Erti Saya Menganut Islam?](#) “Apa erti saya menganut Islam?”, tidakkah soalan itu soalan...
 4. [AGENDA 2008 di Pulau Bugis](#) Hari ini saya menyambung misi AGENDA 2008 mengeertikan kembali...

Published in [Siasah](#)

117 comments for this post

- *hi_j87* says:

07/07/2008 at 3:40 am

salam ustaz..

a very good article ustaz!

sambil mempelajari sejarah politik negara lain spt turki dan jordan, dpt muhasabah balik perjuangan kita sama2 menegakkan Islam di Msia ni..

bg sy di Perak, Hj Nizar had done a very good job “celebrating” 100 days Kerajaan PR in

Perak.. manifesto2 BA sama2 dijalankan dan disesuaikan dgn manifesto DAP,

alhamdulillah.. cuma kadang2 mulut2 org “melayu kite” ni boleh tahan juga dgn smgt

kemelayuan mereka yg menebal tu, especially di Kampung saya di Changkat Jering.. x

pernah sunyi kedai kopi tu dgn kutukan2, herdikan2 org kampung terhadap MB kite.. ish2..

p/s: saya baru sedar, kerajaan Negeri Perak hari ini mempunyai bilangan ADUN

pembangkang paling ramai dalam sejarah compare dgn negeri2 PR lain.. 31 ADUN Kerajaan,

28 ADUN Pembangkang! huh.. patut laa naik minyak ex-MB kite..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *adros* says:

07/07/2008 at 3:43 am

Secara kebetulan, saya baru saja membaca portal berikut yang juga menyebut nama ‘Machiavelli’...

<http://www.thenational.ae/article/20080705/OPINION/289079104/1080&template=opinion>

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)



[Pak Din](#) reply on February 6th, 2009 1:04 pm:

“Cuma, pada kiraan saya, politik atau siasah itu adalah kepimpinan, sebagaimana katanmaa khalifah itu adalah tentang kepimpinan. Dan manusia diberikan akal tidak lain untuk dijadikan khalifah memimpin kehidupan ke arah kesempurnaan. Satu subset kepimpinan adalah sudah pasti menyampaikan atau dakwah. Ia tidak boleh dipisah. Memimpin rumah tangga, contohnya, melibatkan dakwah sepenuh masa, sebenarnya, agar yang dipimpin selamat sebagaimana “Ku amfusikum wahlikum narrra”.” - dari <http://sharudin.com/2009/01/23/s61-salam-celaru2/>

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *yg tak berapa faham sebenarnya* says:
07/07/2008 at 4:08 am

maaf kerana komen yg mungkin tak berapa bernas:

Bukankah pemisahan tarbiyah dan siasah ini sudahpun wujud secara tak langsung dalam bentuk ‘NGO’ seperti JIM yg memperjuangkan ‘tarbiyah’ lantas membiarkan Pas itu sebagai satu wadah politiknya. Mungkin pemisahan sebegini apabila diperkasakan, mereka yg melalui ‘tarbiyah’ ini bergerak dgn Pas eventually, dapat menjawab persoalan yg dikemukakan.

Atau adakah ini tak feasible kerana

- a)status NGO yg bermaksud ianya taklah sebenarnya berupaya Nahi Munkar dalam konteks sebenar?
- b)kesetiaan NGO tidaklah kepada Pas dan kerap kepada kepentingan mereka sendiri
- c)ini berupaya mencelarkan lagi keadaan, contohnya dgn sejarah JIM dan Pas berulang lagi?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *Muhtar Suhaili* says:
07/07/2008 at 6:30 am

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ustaz yang mulia,

Alhamdulillah, satu artikel yang amat relevan sebagai muhasabah kepada pendokong gerakan Islam supaya ‘Takbir’ tidak berubah menjadi ‘Takbur’.

Saya rasa persoalan “Tarbiyah vs Siasah” sudah dibahaskan sejak dari universiti lagi. Molek dari segi teorinya, cuma belum begitu murni dari segi praktikalitinya. Kita sudah punya terlalu ramai pengkritik dan kita memerlukan lebih ramai pekerja dakwah. Ramai yang dahaga, dan siapakah yang akan memberikan mereka minuman iman?

Dalam kita membincangkan “Tarbiyah vs Siasah”, realitinya masih ramai orang awam di luar sana (khususnya di lokaliti saya) yang tidak faham apa itu Tarbiyah dan apa itu Siasah!!

‘Ala kulli hal, usaha perlu diteruskan. Siiru ‘ala barakatillah.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Cita-cita Strategik](#)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) *reply on July 7th, 2008 9:12 am:*

Menulis artikel berat pada jam 3 pagi menjadi penyebabnya :)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

ingin tahu *reply on July 7th, 2008 11:17 am:*

“..Dalam kita membincangkan “Tarbiyah vs Siasah”, realitinya masih ramai orang awam di luar sana (khususnya di lokaliti saya) yang tidak faham apa itu Tarbiyah dan apa itu Siasah!!”

Apa pula tindakan yang boleh diambil bagi memberiTAHU, MAHU, dan MAMPU kepada orang awam tentang apa itu Tarbiyah dan Siasah ini?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Muhtar Suhaili](#) *reply on July 7th, 2008 3:50 pm:*

Teruskan usaha dakwah dan islah... Jika tidak mampu dibuat semua, jangan ditinggalkan semua. Wallahu a'lam.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Dr.N](#) says:
[07/07/2008 at 7:40 am](#)

Salam...isu sama yang berlegar di fikiran dan jadi bualan antara saya dan suami dalam perjalanan pulang dari Johor semalam....Saya mempunyai pandangan sama dengan ustaz, cuma kupasan yang ustaz berikan lebih mendalam. Saya amat berharap perkara ini juga difikir-fikirkan oleh mereka (penganjur demo).....BTW mungkin Rhoma Irama ?(dangdut Indonesia) dan Ramli Sarip (Rocker Singapore) boleh ‘mengambil alih” tugas penyanyi sedia ada..... :)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Nizam](#) says:
[07/07/2008 at 8:22 am](#)

Sebenarnya Islam tu global dan mencangkupi semua aspek. Dalam Islam aspek keselarasan sangat penting. Satu matlamat perlu satu cara. Jika dicampurkan kesemuanya yang sama atau tidak maka berlakulah pelbagai masalah.Bila disebut isu ini ia memang sensitif. Tapi itulah hakikatnya. Pasti dihubungnya akan berlaku pergolakan. Jika kita bercita-cita Islam maka semua yang bersama mesti mempunyai pemikiran yang sama. Jangan ada yang berniat bukan untuk Islam tapi untuk kepentingan dunia semata-mata.Ini akan menimbulkan masalah.Akhirnya orang akan hilang kepercayaan terhadap politik....

-  [ro ya alip dhod](#) says:
07/07/2008 at 9:00 am

Akhi,

Siasah adalah satu cabang kemahiran/skills. Ianya perlu diasah. Seorang yang wara' mungkin dangkal pertimbangan siasahnya. Manakala seorang yang penuh wisdom pertimbangan siasahnya mungkin sekadar muslim yang biasa-biasa sahaja.

Jika dilihat PAS diibukota rata2 ditunjangi oleh produk2 tarbiyyah pantai timur dan juga mereka yang mempunyai dasar 'pandang ke pantai timur'. Mereka amat mantap dari segi tarbiyyah, tetapi kadangkala terlupa mereka berada di ibukota yang dikelilingi ratusan ribu non-muslim dan muslim yang lupa agama. Apa yang dilakukan di pantai timur diduplicate bulat2 ke ibukota. Pada fikiran saya ianya adalah satu kesilapan dari segi siasah.

Saya setuju perlu disiplinkan 2 bidang ini iaitu tarbiyyah dan siasah. Mungkin perlu dilahirkan 2 kelompok ahli dari 2 disiplin ini. Cuma pemisahan entiti itu perlu kepada perbincangan yang lebih khusus berhati-hati.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 7th, 2008 9:10 am:

Bercakap tentang pemisahan entiti Tarbiyah dan Siasah itu bukanlah suatu cadangan, tetapi suntikan "END IN MIND" untuk difikirkan bersama, jika dasar pandang ke timur masih diimplimentasikan di pantai barat... akhirnya mungkin jadi macam di Turki atau Jordan.

Ana masih mencita-citakan kita semua kekal Malaysia, bukan Turki dan bukan Jordan, namun bersungguhkah kita mengusahakannya?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)



[ro ya alip dhod](#) reply on July 7th, 2008 9:56 am:

Agreed ianya mestilah penyelesaian yang Malaysia. Jika dilihat situasi di Malaysia, PAS ada elemen Tarbiyyah dan siasah, dan organisasi lain seperti ABIM, JIM, ISMA etc lebih berat kepada Tarbiyyah dan Kebajikan.

Jika situasi di Jordan dan Turki diambil sebagai model rujukan untuk kita memodelkan agenda di Malaysia, saya kira di Malaysia ianya sudah tersedia. Cuma perbezaannya di Turki dan Jordan ianya dari 1 berpecah 2. Tetapi di Malaysia ianya beberapa entiti berasingan yang sering 'mencuit nakal' antara satu sama lain.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[alqasam](#) reply on July 7th, 2008 4:25 pm:

Sangat setuju juga.

tenaga dan penyusunan semula agenda siasah dan tarbiyah yang lebih tersusun dan rasmi.

Allahua'lam.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *cikli* says:
07/07/2008 at 9:22 am

Salam...

Mulianya bangsa Melayu kerana dinisbahkan dgn Islam. Bangsa cina dan India sinonim dengan Buddha dan Hindu. Alangkah hebatnya jika pejuang Islam yang berpolitik atas nama Islam adalah daripada ketiga-tiga bangsa ini.

Dalam kes konsert di Selangor, penaung, penganjur, penyanyi, penari, penyokong, pemprotes, pengkritik kepada pemprotes, orang yang bakal hadir.... boleh dikatakan semuanya (majoriti) Islam....dan Melayu!

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *aye* says:
07/07/2008 at 12:48 pm

Topik sebegini sangat berat untuk saya fikirkan.. hmm, buat masa ni biarlah saya perkasakan tarbiyah dan dakwah dalam 'lingkup' yang mampu...
P/s.. demo protes senalam benar2 membuatkan saya kecewa, 'pengaruh' pas seperti tidak kelihatan... :-)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Azree Hanifah](#) reply on July 8th, 2008 6:43 pm:

Memang ramai pimpinan PAS boikot demo PROTES. Banyak perkara yang tidak disepakati dengan PKR.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *Umar_Al_khattab* says:
07/07/2008 at 1:18 pm

kalau kita nak menang world cup , tak cukup kalau manager , jurulatih dan pegawai2 sahaja yang mengimpikan kejayaan ini dan memasang vision...

pemain2 perlu dididik dgn skill-skill asas dan perlu memantapkan diri mereka dari segi fizikal dan mental dan juga perlu pandai dalam beberapa aspek2 sains yang melibatkan permainan itu nanti..

pegawai2 dan pemain2 kena integrate dgn baik , baru leh impikan menang world cup or atleast layah bermain di qualification peringkat asia.

nak menang short cut dan menubuhkan negara Islam , saya rasa ini bercanggah dgn sunnatullah yang telah berlaku dalam kisah beberapa org nabi dan juga sejarah dunia .

saya rasa , kena susun balik strategi dan kemudian pastikan strategi itu dijalankan dgn berkesan. kita dah ada sampel yang ditunjukkan oleh rasulullah s.a.w dari zaman org2 islam disiksa di mekah sehingga lah baginda s.a.w menakluk kembali kota mekah.

kita perlukan orang2 yang menyatakan ” Kami dengar dan Kami taat” apabila kita diseru ke jalan Allah dan RasulNya...

sekarang ni drpd 10 orang , mungkin 3 orang je yg cakap/fikir cam nie..

mcm mana Pas nak capai aspirasi politiknya ??

ikut sunnatullah yg ustaz jelaskan dlm beberapa entri ustaz , this is almost impossible.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *ummu_allia* says:
07/07/2008 at 2:26 pm

Ustaz yang dimuliakan
salam ukhuwah..

seperti kata Mokhtar Suhaili..

”Saya rasa persoalan “Tarbiyah vs Siasah” sudah dibahaskan sejak dari universiti lagi. Molek dari segi teorinya, cuma belum begitu murni dari segi praktikalitinya. Kita sudah punya terlalu ramai pengkritik dan kita memerlukan lebih ramai pekerja dakwah. Ramai yang dahaga, dan siapakah yang akan memberikan mereka minuman iman?”

biar mengambil masa.. teruskan usaha Ustaz kerana anak2 muda yang memang suka menggoogle.. yang berfikiran jauh akan menemukan dan meneliti artikel2 ustaz yang mampu membawa pemikiran diluar kotak...

saya memikirkan perkataan “END OF MIND” tu..
perspektif berlainan akan membawa tafsiran berlainan

semuga ALLAH menerima amal kami dan amal kamu..
wallahualam

.....
wallahualam

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *heros-cascadia* says:
07/07/2008 at 2:44 pm

assalamualaikum....pehhh, panas jadinye otak, ligat berpusing dan berputar, membaca dan memikirkan artikel ni. bagi saya yg baru saje menjinakkan dlm dunia ni, belum mampu nk berpikir perkara2 yg berat camni... hanya mampu memerhati.....

-  [ro ya alip dhod](#) says:
07/07/2008 at 3:49 pm

heros-cascadia, kalau panas ligat berpusing dan berputar tu ok la tu. Maknanya otak masih berfungsi. Jgn beku sudah.

Abu Saif, ana mungkin retro dari orang lain. Topik gini yang ana suka involve. Tapi suam je response.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 7th, 2008 4:01 pm:

kekecewaan yang terpaksa dipendam. artikel sebegini kalau nak meletup dan komen bertubi-tubi, campakkan ke forum yang satu itu...

tapi takpe.. kita tunggu.

lepas ni balik tajuk poligami kot

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [alqasam](#) says:
07/07/2008 at 4:58 pm

On the side note, tulisan ustaz berkenaan tajuk macam ini yang sangat ana suka dan selalu ana nantikan..

InshAllah will get back to it later.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [fadil](#) says:
07/07/2008 at 5:02 pm

salam.mufti perlis boleh halang faizal tahir.sedangkan dia hanya seorang.mufti perlis tak punya keraajaan.masa tu ustaz hasrizal kata mufti perlis hanya peduli tak seberani raja petra kamarudin.

1)kes mas idayu dan ella.buat kt selangor,bukan negeri bn dan pas ade 3 exco dlm gomen. ust hasrizal nak komen ape pada dr hasan ali,iskandar dan dr halimah? berani seperti raja petra?
goyangan mas idayu lebih gegar dari bukak baju faizal tahir.

2)konsert protes di stadium kelana jaya.dr hatta ramli sbg pengerusi protes.dia ketua.di bawah selian dia ,maka hadirnya caburator dung.caburator dung mmg lagi gila dari faizal tahir.fazal tahir bukak baju tapi caburator dung tunjuk punggung dan underwear. ust hasrizal nak kata ape pada dr hatta ramli? peduli dan pemberani seperti raja petra?

semoga kita berlaku adil. ape yg tak patut terjadi sudah pun terjadi.walaupun pas dalam pakatan rakyat,hakikatnya mereka tak boleh mengubah munkar.sedangkan mufti perlis

bandingkan dengan cepat kpa mufti perlis selepas pembedaan keek jantung di jln andah semalam.walaupun mufti perlis hanya seorang tetapi suaranya bagaikan sebuah keraajaan.

Pas boleh dikira selamat krn mufti perlis sdg sakit ahad semalam,jika tidak telingamu pedas ahad ini di kolum pena mufti utusan mingguan.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 7th, 2008 5:12 pm:

kalau fikiran sudah mempercayai bahawa saya dan mufti perlis adalah dua kepala yang berlaga angin, inilah analisisnya. sebelum meminta saya berlaku adil, fadil sendiri perlu berlaku adil dalam menganalisa.

kes faizal tahir itu sempoi, maka orang tak ambil kisah. tetapi mufti perlis kisah, peduli, dan bercakap mengenainya. lalu saya sambut dengan gembira atas kepedulian beliau. tetapi statement mufti perlis itu disambut oleh budak-budak mentah yang menganggap tindakan itu sebagai berani, hebat dan sebagainya, seolah-olah kejayaan melastik cicak dianggap seperti kejayaan menjinakkan seekor buaya bujang senang. sebab itu saya cakap, tindakan mufti perlis tempoh hari itu adalah kepedulian, bukan keberanian. bukan keberanian, tidak bermaksud pengecut. tapi kesnya belum sampai ke tahap nak guna bom keberanian. cukup dengan bom kepedulian.

membandingkan kejayaan mufti di sebuah negeri bernama perlis dengan tanggungan negeri bernama selangor, atau perak atau pulau pinang sendiri, bukanlah perbandingan yang saksama. seperti membandingkan singapura yang seco'et itu dengan malaysia. tarafnya hanya lebih kurang kuala lumpur sahaja.

sebelum kuala lumpur, test bisa di pulau pinang dulu.

saya menghormati dan mengasihi mufti perlis, tanpa terjejas pun dengan isu-isu yang berlegar. tetapi orang macam fadil yang tidak tidur lena, tidak semena-mena

persepsi...

persepsi...

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[fadil](#) reply on July 7th, 2008 5:27 pm:

salam. okla ana lah yg silap.karang sekali lagi ana punya kes masuk artikel kt saifulislam.com mcm artikel poligami tempohari.(ala artikel aritu pun sbb nak pujuk sang isteri.hehehehe)

ana ade hal ni.nantikan komen ana.setakat reply yg ini dulu.

panas...

panas...

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

daripada isteri mencari pujukan pada lelaki-lelaki lain.

tak sunnah ke suami memujuk isteri? harap mufti perlis tak lupa ajar anak muridnya menjaga dan memujuk sang isteri

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Edry](#) reply on July 7th, 2008 8:10 pm:

Maaf mencelah, ana rasa dalam dunia siber ni. Sesiapa saja bisa menggunakan 'penyamaran' untuk melaga-lagakan dua pihak. Sekali tengok dia melontarkan komentar nampak macam pro atau orang Dr.MAZA tapi barangkali sekadar orang yang suka melaga-lagakan. Macam setengah orang bermasalah yang guna nama Ustaz Hasrizal untuk provoke orang lain.

Maaf sekali lagi sebab berkata-kata di ruang comment tanpa melontarkan idea tentang kandungan artikel yang bagus ni. Cuma rasa terpanggil untuk comment bagi mengelakkan ada yang termakan cucuk-cucuk murahan Fadhil dan terleka dari kandungan artikel yang sangat bermanfaat.

wallahua'lam.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 7th, 2008 8:27 pm:

bagus juga peringatan Edry.

saya tidak pasti, adakah fadil yang ini sama dengan fadil yang marahkan saya sebab ceramah saya di bangi terbatal di saat-saat akhir.

IP sama, nickname sama, selalu berkunjung berdasarkan rekod online dan jika orang yang sama, maka memang secara konsisten saya selalu kena pulas telinga dengannya :)

salam ukhuwwah

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[fadil](#) reply on July 8th, 2008 12:21 am:

mmg org yg sama ust .itu hari dah jumpa dah ust masa kuliah kt surau harun din kt bangi.kagum dgn ust hasrizal bila ulas hadis soal jawab jibril dgn nabi.yg kuat kt otak ana ni,bahawa imam tu input,islam tu proses dan ihsan tu output.caya la ust. ana dah berdepan dgn ust time tu.dah nak peluk dah,tapi bila mengenang kan ust ni sebesar 3 pemeluk,tak terpeluk ana.hihihhi.nak kenalkan diri,tapi kita ni dah jadi modal dlm satu artikel dia.sapelah kita kan.

ana dh tak mahulah komen pape lagi.org dah pandang ana dgn wajah yg jahat.slmt maju jaya.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

berbesar hati kalau orang perkenankan diri kepada anda, garang anda tak insya Allah lepas lama berumahtangga dan beranak pinak, sejuklah nanti :))

Salam ukhuwwah fadil

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

Mohd Nuruddin Abd Manap *reply on July 12th, 2008 2:57 pm:*

Salam wbt.

Bercakap tentang Mufti Perlis, saya mendapat maklumat bahawa beliau akan menyampaikan kuliah insya-allah pada hari ahad 20-7-08 di Surau Al-Muhajirin, Taman Sri Ukay jam 10 pagi.

Saya memperolehnya dari <http://www.infomajlisilmu.blogspot.com>

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

rudi *reply on July 7th, 2008 5:46 pm:*

Pas boleh dikira selamat krn mufti perlis sdg sakit ahad semalam, jika tidak telingamu pedas ahad ini di kolum pena mufti utusan mingguan.

hek elek.. macam bagus je!

tu la kerja mufti kamu, menyindir n menyindir. sama dgn anak muridnya

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) *reply on July 7th, 2008 6:03 pm:*

OK, balik ke tajuk asal.

Andai pandangan seperti Fadil, bahawa artikel-artikel di Mingguan Malaysia itu adalah untuk memedaskan telinga kawan dan lawan, something serious must be done..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

alhikam *reply on July 7th, 2008 11:21 pm:*

Minta maaf .. nak menyampuk sikit . Tapi bkn anti mufti no . Memang Mufti Perlis berjaya sekat Faizal Tahir .. tapi yang sakitnya artis pompuan AF sedap2 bergoyang diatas pentas berpakaian seksi dan tak menutup aurat pun . Ana sendiri tak faham apa garis panduan mufti yang diikuti oleh Kjaan Perlis . Berjaya menghalang Faizal yang mungkin menutup aurat tetapi membebaskan artis perempuan yang sememangnya dah sah x lulus . Tapi lagi hairan mufti tak komen pula tentang ini . Kalau nak lihat kejayaan mudahnya telah ditunjukkan oleh kjaan kelantan . Bagaimana mengendalikan konsert dan garispanduan secara live .

sekada nak bagitahu kepada yang tidak tahu :)

humairah_almarrah says:

07/07/2008 at 5:10 pm

salam.

siasah and tarbiyyah...

kita orang yang faham jamaah, fhm halatuju islam xpe...

kene cari pendekatan camner nak 'tarik' dan memahamkan golongan 'duniawi' nie. terutamanya glgn remaja yang memandang PAS hanya sebuah parti untuk 'org2 tua/ geng masjid'. hanya parti konservatif yang 'memecahbelahkan' orang melayu (ini bukan ana yang ckp. tapi skdr melontarkan apa yang di'assume'kan sesetengah rakan2 remaja lain. mmg skt hati mendengarnya...)

cari pendekatan...

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *humairah_almarrah* says:

07/07/2008 at 5:31 pm

assalamu'alaikum wrt. wrbt.

saya sukakan kesejahteraan dalam Islam. salahkah kita semua bersatupadu dalam satu saf meliputi semua parti-parti Melayu Islam? dewasa ini, masing-masing bertelingkah... sayu merasainya... saya sayangkan Malaysia... saya sayangkan Islam dan bangsa saya... saya inginkan mereka bersatupadu untuk tamadun islami bercirikan global islamik... ketiga-tiga parti bersatu demi ummah - memangnya ia amat sukar dan mustahil dilaksanakan ekoran pelbagai ideologi dan matlamat, bahkan ada sesetengah pihak memandang sinis akan impian ini... kendatipun sedemikian, sekiranya Allah mengizinkan, insyaallah Allah akan merahmati perpaduan ini... kerana Allah sayangkan kita semua tanpa kompromi... perpecahan merugikan kita semua malah pelbagai musibah datang bertalu-talu untuk mengingatkan kita... tidak kah kita menyedarinya? pelbagai pihak lain mengambil kesempatan akan keadaan ini, ia melemahkan kita semua yang terlalu ego dan bersifat partisan... tidak kah kita merebut peluang yang Allah berikan kepada kita untuk bersatupadu? saya tidak mahu memilih mana-mana parti kerana saya sayangkan Islam, Melayu dan Malaysia. moga Allah merahmati kita semua dengan segala kebahagiaan dan kesenangan di dunia dan akhirat.

assalamu'alaikum wrt. wrbt.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *faizah0904* says:

07/07/2008 at 5:54 pm

Assalamualaikum..

Never give any comment yet. Duk bace je biasanye.tp kali ni trpggl nk manaip.Asif atas kslpn pndgn.

Sy suka artikel ni. it just let us to think back what we are trying to get? Apakah hrus kita lupa akan prinsip kita demi org lain. Dah lama perkara ni bermain2 di pkrn kami yg

Syukran.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 7th, 2008 5:58 pm:

Waalaikum al-Salaam wbt.

Terima kasih atas perkongsian.

Biar pun isu ini isu atas, tetapi yang bawah-bawah pun boleh membantu sama. Sekurang-kurangnya pada bekerja secara 'sedar'. Iaitu tidak hanya membuat rutin-rutin biasa dalam tarbiyah dan siasah tetapi sering melakukan muhasabah dan menganalisa tindakan.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [ummu_allia](#) says:
07/07/2008 at 5:59 pm

salam,
ustaz yang dimuliakan

“Pemisahan yang saya maksudkan itu adalah pemisahan yang terbit dari kegagalan menserasikan gerak kerja siasah berbanding cita-cita Tarbiyah.”

Saya melihat, setelah sedikit kejayaan dalam PRU12, sepatutnya timbul keinsafan untuk menggerakkan dan memacu tarbiyah (kalau boleh dipacu.. kerana kerja ini memakan masa, pengorbanan)..

Cita2 tarbiyah sepatutnya berkobar2 sebagai persediaan masa hadapan dengan PELAKSANAAN nya pada masakini. Bahagian bawah piramid atau sistem sosial, perlu diperkukuhkan asasnya.. ramai di sini mampu menghuraikan bahagian ini kerana komen2 menunjukkan ramai yang duduk dalam harakah..

Sementara kerja2 siasah perlu difahami dan dipelajari terutama bagi mereka yang diberi jawatan dan memenangi pilihanraya, mahupun yang biasanya menjadi penggerak. Untuk mengalahkan musuh, perlu dikenal sistemnya, inikan pula untuk merubahnya.. Sistem pentadbiran negara, persekutuan, negeri dan daerah perlu difahami, bukan sekadar mengeluarkan bantahan dan demonstrasi. Nanti jadilah sebagaimana yang ditulis Ustaz. Seolah lupa PAS sebahagian dari kerajaan (sebahagian kecil?)..

Bagaimana sesuatu konsert diluluskan? Jabatan mana terlibat? Adakah dibawah kawalan MB? dari sini dapat dikawal tindakan seterusnya, terutama untuk pengajaran masa hadapan.. Apakah fungsi EXCO kerajaan negeri? Setiap suatu mempunyai tugasnya..

Kita melihat bagaimana pihak yang kalah di 5 negeri ini menunggu peluang untuk kerajaan baru membuat silap, lalu mewar-warkan dimedia arus perdana yang masih dikawal kerajaan pusat.

Kaedah DR.M mungkin sesuai di sini... sebelum sesuatu isu di negeri dilawati, dia akan mendengar dan belajar dari ahli/pakar. Dia akan memanggil prof atau dr berkaitan untuk memahamkannya.. ini saya sangat pasti.. dia DR.M sangat SEDAR bahawa dia tidak mungkin mengetahui semua benda di dunia ini.. (maaf, jauh sikit simpangnya).

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)[Reply](#)

- [ummu_allia](#) says:
07/07/2008 at 6:08 pm

tambahan sedikit..

kefahaman terhadap isu siasah terutama di Malaysia, bagaimana boleh ianya berfungsi akan mendatangkan kemudahan tentang fungsi setiap satu parti atau pihak yang bergabung dalam PR..

yang menakutkan, DAP tahu dan memahami, tahu bagaimana untuk menanggung, dan kita masih melaung-laung tanpa perbuatan..

pandangan saya, kepedulian, dan keberanian perlukan ilmu..
bagaimana untuk menjinakkan atau menangkap buaya ganas, sekiranya jentik cicak pun tak kena..

singapura yang se co'et itu lebih gah dari kita.. dalam banyak aspek.. kerana siapa gurunya..
Dia wilayah ke 53 uncle sam..

wassalam
semuga ALLAH menerima amal kami dan amal kamu

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)[Reply](#)

- ['Ammar](#) says:
07/07/2008 at 7:03 pm

Bagi ana, insan yang kerdil lagi kecil ni, mungkin ustaz boleh bawa contoh bagaimana keadaan di Indonesia pula tentang agenda Tarbiyyah dan Cita-cita Siayasad... Ana melihat mereka menjadi suatu contoh yang sangat baik dalam melaksanakan kedua-dua hal...
TETAPI, yang itu mengikut waqi' dia. Bagaimana pula kita?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)[Reply](#)

- [hudhud](#) says:
07/07/2008 at 7:25 pm

Dlm Ikhwanul Muslimin, tarbiyyah dijalankan terlebih dahulu keatas pimpinan tertinggi. Solatnya, amalnya, ibadahnya. Seperti ada 'exam' sebelum dibenarkan memegang jawatan. Tapi pimpinan PAS... (fill in the blank) sendiri.

Tarbiyyah kena berjalan dlm parti terlebih dahulu, sepertimana PAS 'dulu-dulu'. Bukannya ahli je ramai tapi kualiti sebagai ahli gerakan parti Islam kena tgk jugak.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)[Reply](#)

- [Abu Saif](#) says:

Artikel saya tidak menjurus kepada masalah tarbiyah dan siasah di dalam pembentukan ahli dan penyokong PAS. Bab ni Alhamdulillah sudah banyak diperkatakan sebelum ini.

Apabila saya utarakan isu pengasingan cita-cita TARBIYAH dan agenda SIAHAH, ia bermaksud untuk mengajak kita semua berbincang tentang sejauh mana realiti PAS dan realiti rakyat Malaysia boleh disistemkan secara THEOCRATIC atau tidak? Adakah dalam Pakatan Rakyat, PAS boleh mempertahankan prinsip theocracy di dalam menentukan apa yang rakyat boleh buat tak boleh buat dalam hal-hal yang lazimnya disebut Islam sebagai soal dosa dan pahala.

Inilah content sebenar artikel ini...

Anda boleh membaca tentang THEOCRACY di <http://en.wikipedia.org/wiki/Theocracy> .

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [b302](#) says:
07/07/2008 at 8:08 pm

Izinkan saya menyelit sedikit..

Saya telah mengambil masa lebih dari sejam untuk cuba memahami apa yang Us Hasrizal cuba tulis, dan sampai sekarang masih terdapat beberapa kesamaran, lebih-lebih lagi setelah membaca beberapa komen pembaca. Kekeliruan saya ialah skop TARBIYAH yang dimaksudkan dalam artikel tersebut.

Alhamdulillah, setelah ABU SAIF menjelaskan sedikit, baru lah nampak sikit poin untuk difokuskan.

Izinkan saya faham TARBIYAH yang dimaksudkan dalam artikel itu ialah dalam konteks masyarakat umum Malaysia. (Sila betulkan kalau silap)

Antara persoalan yang bermain dalam fikiran saya sekarang ialah, apakah nanti PAS masih boleh kekal relevan seandainya tugas TARBIYAH dan SIAHAH itu diasingkan?

Berbeza dengan TURKI, saya fikir keadaan di Malaysia tidak begitu mendesak sehingga perlu kepada pengasingan dua buah entiti dalam membawa agenda TARBIYAH dan SIAHAHnya.

Saya berpandangan PAS masih lagi sedang belajar dengan peranannya yang baru iaitu sebagai sebahagian daripada kerajaan yang memerintah. Walaupun ABU SAIF mengambil contoh kejadian di Selangor, saya merasakan bahawa kes itu tidak dapat dijadikan kayu ukur sebenar bagi menilai peranan PAS dalam menjalankan tugas TARBIYAH dan SIAHAHnya. Wakil PAS dalam kerajaan Selangor masih terlalu sedikit bagi membolehkannya melaksanakan tugas TARBIYAH nya dalam SIAHAH. Tambahan pula, penganjur program tersebut dilantik oleh SULTAN yang seterusnya menjadikan mereka seolah-olah ada kekebalan dari menerima TARBIYAH dari orang lain, apatah lagi PAS.

Jika dilihat keadaan di KELANTAN, nampak gayanya tugas TARBIYAH dan SIAHAH itu telah dapat dilaksanakan dengan baik. Mungkin ada yang tak bersetuju dengan 'dasar pandang ke timur' ni, tapi saya rasa PAS perlu belajar lagi untuk melaksanakan TARBIYAH dan SIAHAHnya, dalam bidang kuasanya yang ada.



[ro ya alip dhod](#) reply on July 7th, 2008 11:32 pm:

Oleh kerana saya yang pertama mengemukakan 'dasar pandang ke pantai timur' dalam komentar disini, maka saya rasa bertanggung jawab, kerana saya rasa ia disalah faham.

Maksud saya diatas, bukan bererti tak bersetuju dengan 'dasar pandang ke timur' seperti yang b302 katakan. Saya sangat mengagumi mujahid yang dilahirkan dari sebelah pantai timur. Dari segi syakhsiah, Subhanallah terlalu ramai yang hebat. Itu dari segi tarbiyyah.

Yang saya katakan masih mengamalkan 'dasar pandang ke timur', ialah dari segi siasah. Sebagai contoh, pendekatan siasah adalah amat jelas berbeza di pantai timur dan ibukota. Di pantai timur struktur sosial amat berbeza di ibukota. Di pantai timur, kita boleh mengharap berjumpa orang ramai di masjid dan kenduri kahwin. Tetapi di ibukota, perkara itu sukar berlaku. Siasah nya sudah pasti berbeza. Pendekatan siasah di ibukota pastinya memerlukan modelnya tersendiri.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Lang Merah](#) says:
[07/07/2008 at 9:44 pm](#)

Assalamualaikum,
Benar, kalau tak dapat semua, jangan tinggalkan semua, tapi pemerkasaan TARBIAH dan SIAHAH perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Orang yang mantap TARBIAH mesti bekerjasama dengan ahli SIAHAH. Saling kebergantungan itu penting. Insya ALLAH akan berlangsung dengan baik, mudah-mudahan.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Amin Ahmad](#) says:
[07/07/2008 at 9:59 pm](#)

Saya tulis panjang tadi, tapi laptop yang 'hang' telah memutuskan mood saya. Adeh!

Salam kunjung balas ya Ustaz. Maaf kerana lama tak komentar. Terima kasih atas pesan yang ditinggalkan. Sibuk sikit merenung 'ribut' yang muncul kebelakangan ini.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [ibnu razi](#) says:
[07/07/2008 at 10:57 pm](#)

Assalamualaikum.....

Bagi saya perbezaan pendapat ada pro dan kontranya. Di dalam lontaran bab pendapat adalah lebih baik individu memilih jalan membina bukan meruntuhkan binaan itu. Walaupun kita menghadapi musim yang sangat panas tetapi kita perlu bijak menangani musim itu. Adalah lebih baik kita cuba sedaya upaya kita untuk menyejukkan persekitaran

bersifat simplistik perlu dihindari secara matang oleh para dal-e. Masa, dakat, kebenaran itu perlu terus digarap dengan baik tanpa mencontengnya dengan masalah2 yang terlalu kecil bagi saya. Maaf.. saya tidak berpihak kepada mana2 individu. Saya sekadar memenuhi masa yang terluang menyelak kebenaran di sebalik titik perbedaan...syukran.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *Ibnu Aiman* says:
07/07/2008 at 11:06 pm

Salam...

Jika dulu matlamat dan misi adalah jelas iaitu melawan kezaliman.Black and white.Tetapi senario sekarang membuat ana pening.(Grey area melebar).Bagi ana stand PAS jelas.Amar makruf nahi mungkar.Tetapi apabila mereka bertindak atas dasar itu,ada suara yang menyatakan tindakan mereka tidak berhikmah.Adakah hikmah itu dengan hanya berlemah lembut sahaja? Bagaimana Nabi boleh menjadi orang yang paling garang dalam peperangan? Keras bukan sifat itu.Sanggup kita katakan ia tidak berhikmah.Sahabat-sahabat kita ,mahu PAS bertolak ansur diatas “Kemungkaran” yang mereka lakukan.Ini win-lose situation..Jika pada pandangan sahabat-sahabat kita,agama itu semacam “taboo” sekurang-kurangnya pertimbangkan soal akhlak dan adat kita orang timur.

p/s:Afwan ustz,mungkin tidak nyambung dgn article ustz.Bagi ana article ini berat untuk orang macam ana hadam wlpn tranung kite ana buka hari-hari..Tapi alhamdulillah isu ini pernah kita bincangkan secara direct masa Subuh itu hari.Jadi tidak terlalu lost..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

masih bertatih *reply on July 9th, 2008 12:27 pm*:

hakikat yg perlu kita sedari....

1. islam x mungkin akan tertegak dari atas
2. msyrkt malaysia masih blum bersedia utk menerima islam sbg cara hidup yg merangkumi sluruh aspek kehidupan (siasah,ibadah, muamalah, etc)

“jgn lah kita tergesa2”

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *zaen* says:
07/07/2008 at 11:30 pm

assalamualaikum w.b.t

1.yang menjadi masalahnya...sumer yg ditarbiyah di dalam pas..sumer nk jadi ahli politik..ataupun mereka nie diheret ke kancah politik..
walhal..dlm islam politik hanyalah sebahagian dari juzuk2/bhgn2 dlm islam..
banyak lg bidang lain..tp yg dlm pas nie..sumer dh diautomatikkan menjadi ‘fikrah’ politik...(nie mslh lama tp nie lah punca segala masalah)..

memerintahkan ni sdr nnt..pas simply haramkan persembahan artis seperti mereka...benda camnie perlu jelas(takkan nk suruh diorg pakai tudung kot...baru boleh buat persembahn)..benda nie dh lama menghantui org2 spt mereka...& camner lak ngan pelakon2 drama & filem...(ramai yg tak pakai tudung)..apakah nasib mereka nnt apb pas memerintah.?? takkan nk suruh diorg pakai tudung??
pointnya ialah...kita tak jelas apa pendekatan pas thdp perkara2 camnie...

3.pas tak pernah membantu & mendekati artis2 spt ella & mas idayu tetapi tiba2 protes jgn bg diorg buat persembahan....waduh2...lg bertambah buruk lah persepsi golongan artis terhadap pas....ada pernah pas bantu kebajikan artis....ada pernah pas peduli tentang keinginan hati terdalam mereka untuk islam...yg tahu hanya kutukan & kecaman...dekati mereka dulu...prihatin kpd mereka dulu...percaya...nnt golongan mereka inila yg nk islam didaulatkan...

4. prinsipnya ialah....jgn buat org lain bertambah benci dgn kita...tp buatlah org lain sayang dgn kita.....artis sakit ..ziarah...bg kasih syg...
tp yg sy nmpk..dlm pas nie hanya tindakan2 direct...kurang tindakan2 indirect spt yg sy sarankan td..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

bonda reply on July 8th, 2008 2:46 am:

saya rasa ini satu tuduhan yang amat tidak benar. Ada baiknya sdr/i zean ini tanya terlebih dahulu apa yg pernah dan telah dilakukan. Dakwah kpd artis-artis ini sudah mula dijalankan oleh ahli jemaah Pas sejak 10 tahun yang lalu. Bahkan sudah ada artis yg bukan Islam memeluk Islam hasil dari usaha-usaha tersebut. Saya ambil cth Nisa' yang sudah mendekati artis-artis malaysia sejak bbrp tahun kebelakangan ini. Malah ada yang berhasil mengadakan majlis agama, mengajar al-Quran kpd mereka. Tetapi hal ini tidak diwar-warkan oleh media spt utusan ataupun berita harian..mahupun tv3. satu lagi sbb ia tidak diketahui ramai ialah kerana bukan pemimpin Pas tertinggi spt Tuan Guru Nik Aziz ataupun Tuan Guru Haji Hadi awang tetapi ahli-ahli jemaah yg tinggal di lokaliti berdekatan dgn artis tersebut.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *alhikam says:*
07/07/2008 at 11:40 pm

Melihat kepada artikel ini . Memang berat akal berfikir . Adakah maksud disini kita perlu memisahkan tindakan siasah dan tarbiyah . Melihatkan kepada tindakan2 yang dilakukan oleh PAS sebelum dan selepas PRU 12 banyak menunjukkan keterbukaan . PAS sudah bijak bersiasah dalam konteks masyarakat di Malaysia berbanding dahulu walaupun diketuai oleh seorang yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai ekstrem dan keras . Ini sememangnya sesuatu yang menarik .

Melihatkan kepada situasi yang berlaku di Sngor . Tindakan yang dilakukan oleh pemuda itu ada pro dan kontranya . Ana melihat tindakan itu lebih banyak mendatangkan kebaikan berbanding mengundang keburukan . Ini kerana bantahan itu disuarakan setelah tidak didengari oleh pimpinan kjaan negeri . Keputusan kjaan negeri sudah tentulah bukan keputusan ahli tetapi keputusan hasil perbincangan . Maka tak eloklah kalau pimpinan PAS

Bknaan artis dan hiburan . PAS sendiri sudah menunjukkan keterbukaan dan contoh realiti . Sebagaimana penganjuran konsert di Kelantan dan penglibatan beberapa artis terkenal tanahair di dalamnya . Ktan juga telah menganjurkan festival kesenian islam dan turut mengundang Maya Karin sebagai ahli panel . Ini sudah tentulah contoh yang begitu nyata tentang bagaimana sikap PAS terhadap isu artis dan hiburan .

Hanya sekadar pandangan ..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **zaen says:**
07/07/2008 at 11:53 pm

salam..

bagi saya.....perkara no 1 untuk membolehkan volume masyarakat yg besar menerima dan mendokong sesuatu pergerakan adalah melalui pendekatan khidmat2 sosial & kebajikan...

membantu memberi sumbangan dr segi material dan mental sgt berpengaruh kpd semua jenis lapisan msyrkt...termasuk penagih dadah,artis,pekerja kilang...pengusaha IKS...

pas perlu menjadi player yg besar dlm memancing golongan muda thdp islam...jgn hanya tahu mengecam & mengutuk...tp perlu lebih tahu mendekati & memahami golongan2 'bermasalah' spt golongan artis ini...

sejarah telah membuktikan kegiatan2 kebajikan banyak 'menyentuh hati' masyarakat... kumpulan masyarakat menyokong kumpulan ini & akhirnya mereka tsiqoh dgn kumpulan ini...

mendptkan tsiqoh adlh sangat penting...dgn tsiqoh inilah..barulah mudah agenda tarbiyah kita dilaksanakan....cita2 siasah maju bersama2

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)



[ro ya alip dhod](#) reply on July 8th, 2008 8:14 am:

Terima kasih atas pandangan yang saya fikir sebagai pandangan dari luar PAS. Saya kira mereka yang melihat PAS dgn pandangan dari dalam, sama ada dia orang PAS atau concern dengan PAS adalah amat berbeza dari pandangan diatas.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **Umar_Al_khattab says:**
08/07/2008 at 12:09 am

zaen , satu kupasan yang menarik..

kemenangan yg diberikan Allah ke atas 4 negeri2 baru di mana rakyatnya berbilang kaum (tidak spt di kelantan) adalah peluang terbaik kpd pakatan rakyat untuk membuktikan kpd rakyat bahawa mereka boleh memerintah negara.

taqwa, PAS kena susun kembali strategi mereka untuk menawan dan membentuk pendukung2 yang bertaqwa.

tanpa taqwa perjuangan Islam di negara kita tidak akan ke mana...

taqwa itu sangat penting. bukan sekadar berjuang fantically. bukan masuk pas sbb benci kpd BN , bukan masuk Pas sbb susah nak naik dalam BN , bukan berjuang dalam pas secara membuta tuli dgn menganggap ianya jalan ke syurga.

sekarang ini masalah timbul sebab mereka gagal membentuk taqwa dalam diri pengikutnya.

tak boleh kita replicate apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah selama 13 tahun di mekah kpd sahabat-sahabatnya ??

tak boleh kah kita replicate cara perjuangan umat Islam di madinah ??

tak boleh kah kita replicate hubungan antara Rasulullah s.a.w dan sahabat2 dan juga hubungan di antara para sahabat...

dalam masa 23 tahun Rasulullah s.a.w berjaya completed his mission .

para sahabat mempunyai Rasulullah s.a.w sebagai focal point.

skrg kita tiada pemimpin spt itu dikalangan kita, yang dekat dgn kita.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **zaen says:**
08/07/2008 at 12:17 am

kenyataannya..kita hanya memikirkan perkara yang terlalu jauh dan yang tidak mungkin dicapai pada masa sekarang...

kenyataannya....persepsi golongan2 sebahagian besar org seni terhadap pas & islam adalah negatif....iaitu pas suka menghukum & fikir sempit..org seni fikir pas hanya hancurkan punca rezeki mereka....BENDA NI YANG KITA PERLU BUANG DULU DARI PEMIKIRAN MEREKA SEBELUM KITA FIKIR CAMNE NAK APPLY UNDANG2 ISLAM KAT MALAYSIA NI...

kenyataannya..bukan golongan seni sahaja berpersepsi camni...ada banyak lagi golongan2 lain fikir camni....islam nie sempit..kolot..kasar..suka perang...menyusahkan dan yg fikir camni adalah org2 islam itu sendiri....itu tak termasuk lagi org2 bukan islam yg sudah tentu masih ramai lg tak yakin dengan islam..

so,pas dlm hal nie...tak usah la nk cerita pasal nak tegakkan undang2 islam...terlalu jauh untuk mencapainya....pas..perlu unit untuk bantu artis2..penagih dadah..peroko2 remaja..mat2 rempit..pelajar universiti..golongan miskin...petani2...nelayan2...terlalu banyak sebnarnya....bantuan kewangan,kauseling,insentif pendidikan,peluang pekerjaan,modal/barang2 perniagaan,gotong-royong

kita perlu cater mslh nie dulu sbml cater mslh2 lain....

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

Setuju dan saya setuju dgn pandangan Zaenul...

pendidikan itu maha penting...didik dan faham apa faedahnya islam kepada masy...
tunjukkan bahawa kebajikan yg dilakukan sbb mengikut cara islam...

setiap perkara kita buat kepada rakyat selitkan nota kaki dan mcm2 lagi media yg boleh
digunakan utk diberikan kepada rakyat...

byk kan platform dan media utk menjelaskan tentang islam lagi...gerakkan
usrah....distribute pamphlets di setiap rumah....setiap minggu supaya selain drp masjid
berfungsi pada hari jumaat juga berfungsi pada 1 hari yg lain

lawan pakai media sendiri sbb kita dah jd kerajaan bukannya pembangkang...takyah guna
media perdana

cuba fikirkan dah 100 hari PR memerintah tp apa perancangan nya sy tak tahu...klu nak tahu
kena tgk tv or baca surat khabar sedangkan benda ni boleh dilakukan rumah ke rumah mcm
masa pilihan raya hari tue...

setiap dua minggu ke atau sebulan sekali jd la

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

Aziz Kifli reply on July 9th, 2008 4:05 pm:

Pemerintahan yang terdahulu kita bagi tempoh 50 tahun. Kenapa baru PR memerintah 100
++ hari kenapa kita nak mempertikaikan perancangan mereka. Di negeri-negeri yang di
perintah oleh BN, tak pulak kita pertikai apa perancangan mereka... Kita bagi pandangan
biarlah adil. Tapi tak pe lah...

Saya setuju dengan tuan, iaitu pendidikan atau ilmu itu sangat penting. Didalam kita nak
menegakkan sistem Islam itu, memerlukan masa yang panjang. Walau pun tak dapat kita
nak capai dalam masa yang terdekat ini, sekurang-kurangnya kita dah memulakan dari
sekarang. Isu orang seni, orang susah dan miskin, mat rempit, nelayan memanglah mendaji
sebahagian agenda PAS. Bagi lah PAS peluang memerintah, semua tu akan settle lah. Jadi
rasanya kerajaan yang memerintah dan berkuasa penuh sekarang yang mengutip cukai
daripada rakyat dah mengabaikan golongan ini. Kerajaan yang berkuasalah yang lebih
bertanggung jawab.

Saya berpendapat PAS pun tidak berdiam diri. TGNA sendiri baru-baru ini ada menghadiri
jemputan dari AMY search untuk satu acara.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

khairul asraf reply on July 17th, 2008 12:45 pm:

sy tidak berniat utk mempertikaikan perancangan mereka....ya...sy pengkritik tegar
terhadap media perdana yg mengkritik kerajaan PR sbg tidak bertanggungjawab sdgkan
seperti saudara aziz tuliskan....mereka baru 100 hari....

mungkin seperti ustaz hasrizal tuliskankita sudah menganggap bhw PAS-DAP-PKR sudah
bersedia utk menjadi pemerintah sedangka mereka sendiri masih terkejut yg mereka

sy masih berharap agar tidak yg buruk akan berlaku di masa hadapan.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [khairul asraf](#) says:
08/07/2008 at 1:33 am

bukan mengkritik PR sy fhm baru 100 haritp dgn lawannya BN...bab media ni kena manipulasi sebaik mungkin. instead buat prss statement je ...apa lah salahnya sebarkan kepada rakyat sendirian berhad

sbb media perdana akan memberi kan tayangan press statement tu tak lengkap

p/s: 1st time tgk nizar marah dlm tv3 td pasal press statement...mungkin diorg ingat blh kenakan nizar mcm diorg kena kan khalid ibrahim. yela khalid ibrahim ni lembut orgnya(baca: diplomasi) ckp pun baik bunyinya...nasib baik nizar ni jenis tegas orgnya...dia sound blk reporter tue kelakar gak tgk insiden tu...baru wartawan tu tahu wakakaka hidup perak :P

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)



[ro ya alip dhod](#) reply on July 8th, 2008 8:19 am:

Menyentuh insiden YAB Nizar 'basuh' reporter, tindakan begitu adalah hasil pengalaman dalam siasah. Ianya tidak dapat diajar dalam Tarbiyyah, tamrin dan usrah.

Reporter cuba menyucuk YAB Nizar tentang pendekatan Islam seperti yang Kelantan buat dengan harapan dapat menakutkan rakyat Perak terutama non-muslim bahawa PAS akan laksana hudud di Perak.

Saya kira jika seorang yang tidak punya pengalaman siasah, maka akan melayan soalan reporter seperti biasa, dan sedikit silap akan diputar belit media.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [ise](#) says:
08/07/2008 at 1:44 am

Assalamulaikum wbt

Bagi pendapat saya, siasah adalah unsur yang terdapat dalam tarbiyah. Kita bersiasah merupakan tarbiah siasi untuk kita. Pengasingan antara tarbiah dan siasah semacam pemisahan agama dengan politik.

Saya rasa Pas tidak terlepas pandang terhadap siapa diajak naik sekapal. Mengenali kawan dan musuh adalah peraturan bersiasah. Cuma kepada pendokong Pas agar terus menerus melakukan agenda tarbiah untuk masyarakat. Jangan leka dengan kemenangan sementara. Amat susah untuk mengisi kemenangan ini.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

Kita telah sesat dalam hutan kuasa rakyat.

Jemput ziarah utk sama-sama koreksi tentang isu ini, [klik sini](#)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *bonda* says:

08/07/2008 at 2:37 am

salam ustaz,

saya membaca artikel ustaz ini hanya sepintas sahaja. oleh itu mohon maaf jika komen yg diberikan ini jauh dari sasaran dan topik yang dibincangkan. Saya fikir, tulisan ini agak berulang kerana mengulangi pensejarahan jemaah Islam di Turki yang tersungkur sedekad yg lepas dan bagaimana strategi baru diambil hasil dari sejarah tersebut.

Saya tidak gemar menggunakan term politik walaupun itu adalah basahan yang digunakan oleh ramai. saya fikir term siyasah lebih tepat digunakan sebagai pendekatan sebuah jemaah seperti Pas. Oleh itu, pendekatan siyasah yang saya fahami ini tidaklah hanya restricted kpd penguasaan kepimpinan melalui proses pilihanraya semata2.

Amat silap jika kita terlalu menumpukan ataupun hanya semata-mata memikirkan politik pilihanraya semata-mata. Saya kira ramai yang terperangkap dengan satu cabang siyasah ini sahaja sedangkan bentuk-bentuk strategi dan juga cara untuk melaksanakan Islam ini amat luas seluas cabang-cabang amal Islami. Saya percaya siyasah yang dijalankan oleh Pas kini telah menyeluruh salah satu yang utamanya melalui pendekatan 'politik' pilihanraya dgn bbrp objektif jangka pendek (5 tahun) mungkin ia boleh jadi utk jangka panjang spt 25 tahun spt Kelantan.

yg menjadi cabaran hari ini ialah krn pas belum lagi bertanggungjawab sebagai jurukemudi dlm sebuah pakatan berbentuk nasional. tetapi di bbrp peringkat negeri sudah mula bergerak ke arah tersebut. Dari segi membuktikan keupayaan, mungkin dlm jangka pendek ini kepimpinan pas di tiga negeri perlulah menyerlah bahkan perlu ada strategi pentarbiyahan rakyat yg lebih bersistem. Cumanya saya sedikit khuatir sekiranya kita hanya menyempitkan pentarbiyahan ini kpd berjalannya usrah ataupun tamrin kepada rakyat. Krn cara tarbiyah juga ada byk, dan bukan sempit hanya pada circles usrah dan kursus semata-mata.

Saya kira semua jemaah Islam spt JIM, ABIM-PKPIM, Paksi etc sewajarnya kembali memperkasakan agenda tarbiyah yang telah diletakkan batu asasnya oleh Pas. Sekali-sekala anak pulang berkunjung 'ke kampung halaman' bertanya khabar orang tua ataupun abang-abang serta kakak2 apa yang boleh dibantu mana yang mampu.

seterusnya, saya tidak fikir akan wujud pertentangan antara matlamat tarbiyah dan juga siyasah (politik) melainkan salah satu matlamat dari dua elemen ini bercerai daripada nama Islam. Cthnya matlamat tarbiyah ala barat sudah tentu takkan dapat seiring dgn siyasah Islam. Begitulah sebaliknya.

Sebagai ahli gerakan Islam pas baik pemandu bas, penjual ikan, petani, penternak, peniaga, pendidik, pelajar, pentadbir, pekerja sosial, surirumah, jurutera, saintis, doktor, penceramah 'bebas', ahli kaunselor, penulis (sekadar menulis bbrp profesion mrk), termasuklah mereka yang memegang tanggungjawab sebagai ustaz masyarakat, ketua

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 8th, 2008 7:00 am:

Insyallah artikel ini walaupun menggunakan “senario” yang sama tetapi ia bukan pengulangan kepada apa yang telah saya tulis sebelum ini. Memang salah satu rujukannya ialah sejarah perkembangan politik Islam Turki. Tetapi kali ini huraianya adalah dari sudut lain pula.

Bukan soal kekurangan saintis sosial, bukan soal keupayaan menterjemahkan maksud negara Islam, bukan soal kaedah pendefinisian makna sekularisma yang mana semua-semua ini sudah pun diperkatakan sebelum ini.

Tetapi sebagaimana yang telah saya sebutkan, content utama artikel ini ialah sejauh mana pembentukan sebuah pemerintahan secara THEOCRACY mahu dilaksanakan oleh PAS. Terma TARBIYAH yang saya maksudkan dalam artikel ini merujuk kepada agenda memerintah dalam format THEOCRACY. Manakala terma SIAHAH merujuk kepada agenda memerintah yang berbeza.... di mana ada benda yang sepatutnya dibuat, atas nama TARBIYAH (theocratic), tidak dapat dilaksanakan. Misalnya, apakah kerajaan mahu campur tangan dengan soal dosa-dosa rakyat yang bersifat ‘individual’?

Jawapan kepada soalan ini tidak boleh dijawab dalam bahasa usrah. Tetapi dalam bahasa polisi yang mahu diguna pakai.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

Bonda reply on July 8th, 2008 7:46 pm:

terima kasih di atas penjelasan tersebut. Maka saya menyampuk sedikit panjang.

Saya berpandangan, soal sekularisme masih teruk mencengkam pemikiran masyarakat Islam. lagilah masyarakat bukan Islam.

Apakah Pas sudah tersasar setakat ini? Apakah pas semakin jauh dari tarbiyah ketuhanan apabila bergabung dengan kelompok sekular? Apakah jalan akhirat itu sudah tidak lagi kelihatan atau disebut-sebut oleh pemimpin Pas? Tuan Guru MB Kelantan, pernah kemukakan dalam bentuk pertanyaan, beliau sebagai seorang ulama’ tugas utamanya ialah mendidik masyarakat (tarbiyah) tetapi beliau terpaksa mengambil pendekatan masuk politik untuk merealisasikan tarbiyah tersebut. Mengapa?

Saya fikir sama juga pendekatan ini dalam konteks lain - pentadbir di sekolah, office, agensi, pasar, sektor ekonomi, kementerian dsb.

Cth saya ingin berikan: Saya melihat pendekatan kerajaan kelantan dalam menerapkan budaya sembahyang di kalangan rakyat. wlpun Masih belum menyeluruh , tetapi inputnya berterusan sepanjang hampir 20 tahun ini.

Siyasah (politik) memungkinkan pendekatan tarbiyah lebih berkesan dijalankan. Ini point saya yg pertama. Mungkin saya boleh ringkaskan sedikit bagaimana pendekatan siyasah digunakan untuk menjayakan agenda tarbiyah dalam soal solat ini dalam senarai berikut hasil pengamatan saya secara peribadi:

nataqat utk mengajai gotongan wanita hat-hat berkaitan dgn sembahyang, hqn dsb. Hampir hampir di setiap kampung ada pengisian tarbiyah dikendalikan oleh imam, ustaz berkaitan dgn solat samada slps solat, program mingguan, bulanan dsb.

- c) Bulan sembahyang diperkenalkan dan disambut setiap tahun - Bulan Rejab
- d) Arahan pemakaian menutup aurat (supaya wanita kelantan tidak ada alasan untuk tidak sembahyang jika tiba waktunya)
- e) Program Bulan sembahyang dilakukan dari peringkat pusat asuhan kanak-kanak sehinggalah sekolah menengah di bawah kerajaan negeri
- f) Talks/ceramah2 perdana dsb/ pengedaran risalah oleh bahagian pembangunan keluarga negeri, majlis perbandaran.
- g) kuatkuasa penutupan premis jualan dan kauter sewaktu solat jumaat dan semua aktiviti pasar malam dihentikan pada waktu maghrib
- f) Usaha berterusan membetulkan pemikiran masyarakat tentang solat
- g) Melahirkan lebih ramai imam dan para huffaz
- h) pada tahun 2007 - mula diperkenalkan masjid 'merpati' di bbrp lokasi bandar Islam Kota baru
- i) yang terkini - satu cadangan polisi baru akan diperkenalkan oleh kerajaan negeri bagi rakyat yang diketahui meninggalkan solat dengan sengaja. (apakah relevan kerajaan negeri masuk campur dalam soal dosa pahala rakyat?)

Hujah saya ialah saya kemukakan satu soalan; apakah tarbiyah dan pendidikan solat ini akan berjaya dilakukan tanpa mengambil-alih sebuah negeri? Keduanya, dalam sistem kehakiman syariah Islam (yang dikuatkuasa pd era Rasulullah, khulafa' al-Rasyidin dan khilafah Islam, hukuman akan dikenakan oleh pihak berkuasa bagi penjenayah 'peninggal solat'. Apakah perlunya satu article khas dalam hukum jenayah solat ini diwujudkan dalam masyarakat? Apakah perlunya para ulama memasukkan bab ini dalam kitab-kitab Fiqh mereka yang dirujuk sejak zaman berzaman? Sebagai ahli jemaah Islam, bagaimana kita 'membaca' karya-karya ini? Apakah ia hanya sumber maklumat kemudian selepas dibaca, boleh ditutup dan disusun semula di atas rak? Atau kita membacanya untuk menterjemahkan dalam bentuk praktikal? Sama seperti cara kita sebagai seorang ahli jemaah Islam, yg membaca al-Quran.

Apakah jawapan yang akan diberikan oleh para ahli jemaah Islam suatu hari kelak apabila ditanyakan di hadapan Allah apa yang telah dilakukan terhadap 'penjenayah solat' yang diketahui ramai? Apakah kita hanya akan sediakan satu skema jawapan, kami berusaha mendidik mereka sejak kecil, tetapi apabila sudah besar semua terpulang kpd mereka? Atau mungkin kita boleh sediakan satu jawapan yg streotype - kami lawan dengan hati kerana kelemahan iman kami? Kami tak mampu untuk ceramah atau bagi tau seperti lantanganya orang-orang Pas di atas pentas, atau kita jawab, kami bukan MB Perak, MB Kelantan, MB teranganu, PM Malaysia, kami tak de kuasa untuk ubah pemikiran rakyat yang tidak sembanhyang, atau cegah mereka dari meninggalkan solat dengan melaksanakan polisi-polisi tertentu. Apa yang kami buat ialah senyum, angguk, setuju, keluar kenyataan-kenyataan media sahaja - kami tak setuju itu, kami setuju dengan ini. Kami, ketika di dunia, bukan jemaah yang menjadi jurukemudi atau pemimpin masyarakat, tetapi kami ini hanya dipimpin. Hanya jemaah-jemaah tertentu sahaja yang buat itu. Bila mereka silap, kami marah dan komen, bila mereka betul, kami sokong dan keluarkan kenyataan menyokong. (dalam kes konsert dsb. begitu juga, agak-agak apakah jawapan kita sebagai ahli gerakan Islam?)

Soal dosa pahala yang ustaz sebut telah bersebat dengan pemikiran sekularisme (wlpun ada yg kata isu ini sudah lapuk). Ramai menganggap dosa dan pahala adalah hak individu, maka pentarbiyahan individu perlu ambil bbrp proses terlebih dahulu. Terdapat sedikit kacau

pendekatan yang didasarkan oleh al-Shari'ah Hasan al-Darra tidak begitu. Bahkan ke semua tiga tahap ini perlu seiring dan berterusan.

Cth yang saya berikan hanyalah negeri Kelantan, ia tidaklah tepat dan sesuai utk dilaksanakan di semua negeri. Saya percaya setiap negeri mempunyai mad'u yang berbeza dan menuntut suatu strategi siyasah yang mantap beserta perancangan tarbiyah yang efektif.

Saya percaya pengalaman JIM-ABIM yang membawa pendekatan tarbiyah dalam UMNO boleh juga dipelajari oleh Pas dalam pakatan rakyat. Umum mengetahui pada tahun 1990, apabila Pas menang di Kelantan, JIM dalam muktamarnya pada tahun tersebut mengeluarkan pandangan agar ahli-ahlinya menyertai UMNO bagi membantu Sdra Anwar ketika itu. ABIM lebih dahulu mengambil jalan teokratik untuk memurnikan umno kemudian diikuti oleh JIM pada tahun 1990. Mungkin abng/kakak2 yang terlibat dalam perancangan tersebut boleh kongsi sejauhmanakah kejayaan tarbiyah dan pendidikan yang dapat disasarkan sejak itu.

Baik negeri yg belum ditadbir oleh Pas dan negeri yang baru ditadbir oleh Pas, saya percaya pendekatan tarbiyah tidak akan bertembung dengan pendekatan 'politik' Pas sebagai sebuah jemaah. Bagaimanapun kita akur terdapat cabaran dan halangan utk merealisasikan tarbiyah jemaah apabila ia bertembung dengan pendekatan 'politik' bukan dari pas.

bagi ahli-ahli jemaah Islam, mungkin boleh kita senaraikan apa yang jemaah kita mampu lakukan dalam contoh mendidik rakyat (solat dsb.) di kalangan masyarakat/penduduk. Kemudian kita buat perbandingan, mana lebihnya kita dapat lakukan berbanding dgn apa yg pas lakukan melalui 'politik' mereka. Kemudian kita boleh ambil cth-contoh lain spt masalah belia, kes-kes buang anak, ibu tunggal, penagih dadah. Kita senaraikan apa yang jemaah kita mampu buat melalui tarbiyah dan khidmat yang boleh diberikan. Kemudian bandingkan dengan apa yang Pas telah lakukan. Lihat mana kelebihan kita berbanding dgn Pas. Begitulah seterusnya dalam soal dakwah kpd artis, Ella, ratu dangdut dsb. Buat perbandingan kemudian nilaikan. Mungkin ini boleh dibincangkan di peringkat circles usrah kecil-kecilan. Kemudian, tanpa menunggu lagi, kita bertindak secara aktif.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)



- [ro ya alip dhod](#) says:
08/07/2008 at 8:41 am

Artikel ini adalah satu buah fikir untuk PAS menambah baik gerak kerja. Tapi ada pulak yang ambil kesempatan nak hentam. Pantang buka pintu. Kadang2 bukak tingkap sikit je pun hentam lebih2.

Tapi tak pe Abu Saif, kalau sebelum ni org PAS yang byk bagi bazooka pada idea anda, kalau ni nampaknya patern berlainan. Kali ni yang dok suka 'mencuit nakal'. Ana rasa la.

p/s:Artikel ni dah ladi bahan di forum yang satu tu.. ke?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Amin Ahmad](#) says:
08/07/2008 at 9:49 am

merujuk kepada agenda memerintah dalam format THEOCRACY. Manakata terma SIAH merujuk kepada agenda memerintah yang berbeza.... di mana ada benda yang sepatutnya dibuat, atas nama TARBIYAH (theocratic), tidak dapat dilaksanakan. Misalnya, apakah kerajaan mahu campur tangan dengan soal dosa-dosa rakyat yang bersifat 'individual'?

Jawapan kepada soalan ini tidak boleh dijawab dalam bahasa usrah. Tetapi dalam bahasa polisi yang mahu diguna pakai”.

Saya suka sekali membaca pokok persoalan yang ustaz bawa ini (dan saya pasti ustaz tahu kenapa saya suka) :)=

Dalam kes Mas Idayu dan Ella, dalam kes Alak baru-baru ini, ia cukup untuk mengajak PAS lebih serius memikirkan masa depannya. Dan saya tidak mencadangkan PAS memilih jalan keluar yang mudah berdepan dengan perkara ini.

Ustaz, saya fikir begini. Saya lihat PAS cenderung reaktif berbanding progresif. Saya tidak kata PAS tidak progresif langsung, tapi yang terlihat begitulah. Dan saya tahu di kalangan grassroot PAS ada yang mengambil pendekatan tersendiri untuk mengekalkan interaksi dan mewakili sosok sederhana PAS dengan masyarakat.

Orientasi pemikiran reaktif dan progresif ini bagus, tapi harus ditempatkan pada kedudukannya. Dalam kes Ella dan Mas Idayu, saya kira PAS gagal mengambil peluang untuk menunjukkan sikap mereka yang lebih baik. Dalam kes Alak, saya tetap katakan Alak gagal mewakili semangat asal Isham Rais yang cuba mendekatkan kegelisahan anak muda dengan mereka yang memilih jalan dakwah-siasah. Tapi ada satu kenyataan Alak di awal persembahan yang saya kira untuk menggugah daya fikir - “Kami tidak mewakili parti-parti politik” (ringkasnya begitu). Saya pasti kenyataan itu banyak dilihat sebagai sinikal tanpa ramai yang mahu read between the lines dalam bahasa siasah.

Apapun, saya menghormati sistem tarbiyah PAS dan saya masih mahu tersenyum melihat pergelutan siasah. Sekurang-kurangnya bargaining ideas yang muncul darinya membuatkan saya rasa firman-firman Allah s.w.t. dan petunjuk Rasulullah s.a.w. itu hidup! :)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *ajip* says:
08/07/2008 at 10:43 am

Assalamualaikum ustaz

minta ustaz hantar artikel ni kepada harakah. semoga pemimpin pas dapat menilai semula kaedah perjuangan mereka di malaysia.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *ajip* says:
08/07/2008 at 10:44 am

satu lagi ustaz

saya nak letak artikel ustaz dalam blog saya

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *ajip* says:
08/07/2008 at 11:01 am

kalau boleh ustaz hantar dalam kolum “letter” di Malaysia-today.net ataupun di malaysiakini.

terima kasih

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *aisyah* says:
08/07/2008 at 11:57 am

salam ust..

saya kalo boleh tak nak masuk cmpur dalam persoalan dasar ni..berkenaan tarbiyah n siasah pas,bagaimana mahu dikesinambungkan...sebab rasa xlayak..xkan saya yang tak de pape ni nak cakap something yang pimpinan atas buat..walaupun memang ruang untuk menegur tu ada...xperla.da lama terfikir bab ni.dan lama saya duk perhati pembawaan sahabat2 dalam pas yang mantap tarbiyah tapi lemah dari segi kebolehan untuk kena dengan suasana...susah nak cari orang yang betul2 ada hikmah tuh.(saya pon sama je).kalo saya berfikir pon,takde la sampai nak btaw sampai atas..yerla,kita ni ‘kecik’ lagi...satgi kena libas ngan sahabat2 yang senior,terkecik la hati..heheh..xperla..paper pon ust..timer kaseh sebab kuarkan artikel ni..kena dengan pemikiran saya yang kecil ni tapi dengan penerangan yang lebih terang dan bersuluh..moga dapat difikirkan jalan keluarnya bersama-sama..salam

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *iman_maryam* says:
08/07/2008 at 12:40 pm

bila kebatilan bercampur dgn kebaikan akan jadi batil segalanya..mcm keaedah feq.. bila yg halal bercampur dgn yg haram tetap haram..ma ru’yukum?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)



[ro ya alip dhod](#) reply on July 8th, 2008 1:20 pm:

Mohon penjelasan lanjut jika sudi, yang mana kebaikan dan kebatilan dalam konteks artikel ini. ro’aitu ma fi? (abu saif betui ke bahasa arab ana ni, broken arabic buruk benor kot bunyinyer)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *anasmera* says:

(pembaca setia yang sudah menestam.)

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *syrup* says:
08/07/2008 at 4:07 pm

>salam

>ana harap kita sama2 dapat mendoakan kejayaan pimpinan kita amin.....

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *parksoo* says:
08/07/2008 at 4:45 pm

Bila membaca artikel ni, teringat akan hal serupa yg pernah dibincangkan sesama sahabat. Secara peribadi pernah terfikir kenapa tidak diasingkan keduanya spt di Turki atau Jordan.

Mmg kadang terfikir, kenapa tiada/kurang filter dlm menerima ahli siasah yg blum pasti tarbiahnya. Kekadang baru benor, tp dek pintar berbicara, terpilih sbg saf atasan. Sy kurang selesa tp tidak sampai mengengkari arahan dek tarbiah yg diterima.

Masih bergelut menganalisa yg mana lebih aila. Ttp memandangkan kpd tuntutan bergerak secara jamaah dlm menegakkan Islam adalah perlu, sy mengikat diri dgn jamaah ini tanpa menafikan sumbangan yg lain. Setakat ini insyallah akan terus iltizam dgn harakatud da'wah wa siasah ini.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *perdana* says:
08/07/2008 at 5:16 pm

“-Apakah perubahan pendekatan PAS dari perjuangan Negara Islam kepada Negara Berkebajikan itu kesan daripada keputus asaan PAS terhadap konsep Negara Islam yang diperjuangkannya?

-Apakah perubahan pendekatan PAS itu adalah sebagai strategi sementara tatkala PAS belum ada upaya untuk bersendirian memperjuangkan apa yang ingin diperjuangkannya? Lantas demi mencari teman perjuangan, PAS mengubah suai pendekatan untuk mencari common language ?

-Apakah perubahan pendekatan PAS itu adalah taqiyyah ? Berpura-pura berubah untuk meraih kemenangan dan seandainya kekuatan yang terhasil memungkinkan dirinya untuk bertindak, maka PAS akan kembali kepada dirinya yang sebelum ini?

-Atau apakah perubahan pendekatan PAS itu adalah kerana pendefinisian semula yang dilakukan oleh PAS terhadap apa yang dimaksudkannya sebagai Negara Islam, Politik Islam dan sistem hidup Islam? Jika benar ia suatu pendefinisian, apakah ia sesuatu yang positif atau negatif?”

Pontas ustaz taqiyah (yang mana strategi ini perta dasarnya yang tersenam, saya kira), jika PAS betul melakukan ini, PAS perlu betul-betul mantap dalam berstrategi mendekati rakyat untuk menonjolkan sifat sebenar PAS dan negara Islam.

ustaz,

Soalan sana;

Jika tindakan pemuda PAS selangor adalah kerana kurangnya dominasi dan pengaruh, adakah fenomena ini ada kemiripannya dengan apa yang berlaku kepada saidina Ali r.a yang akhirnya dibunuh dan menimbulkan kekacaubilauan dalam negara?

Doa ana semoga PAS dilindungi daripada segala yang meruntuhkannya.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

ah liPAS *reply on July 13th, 2008 10:50 am:*

salam, sekadar bergurau pedas..

“negara berkebajikan tu, islamik ke x islamik?”

“negara berkebajikan tu, islamik ke x islamik?”

“negara berkebajikan tu, islamik ke x islamik?”

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *fakhruddin says:*
08/07/2008 at 7:31 pm

Saya merupakan pembaca tetap blog ustaz. Alhamdulillah blog ustaz banyak menyuntik dan memberi idea ke arah penambah baikkan gerak kerja Pas. Saya selaku golongan muda yg baru bergiat aktif dalam gerak kerja Pas merasakan hujan dan komentar yang ustaz bagi mampu menambah baikkan gerak kerja Pas pada masa akan datang terutamanya menyuntik idea2 dan pemikiran dalam amilin2 muda Pas untuk membawa Pas bergerak dengan lebih baik pada masa akan datang.

Pada pandangan saya realiti Gerakan Islam di Malaysia merupakan satu sejarah yang unik. Ini kerana sejak era kejatuhan kerajaan melaka lagi golongan ulama telah mula membangkitkan semangat politik di kalangan umat islam tanah melayu pada masa itu untuk menentang penjajahan. Kita dapat melihat bagaimana penubuhan parti politik pertama yang ditubuhkan oleh Tuan Guru Haji Abd Rahman Limbong iaitu Sarekat Islam dan diteruskan pula dengan penubuhan Hizbul Muslimin oleh Ustaz Abu Baqar Baqir untuk menentang penjajahan British. Gerakan ini pula diteruskan oleh Pas selepas kemerdekaan negara. Kita boleh melihat bahwa waqie gerakan islam di Malaysia adalah berorientasikan politik.

Menyentuh mengenai aspek tarbiyah di dalam Pas. Masyarakat sering melupakan bahawa pengajian2 ilmiah yang dikendalikan oleh ulama2 Pas banyak menyuntik semangat cintakan Islam di kalangan masyarakat. Kita blh melihat hasilnya sehinggakan Pas telah melahirkan begitu ramai amilin yang sanggup berkorban nyawa dan harta benda untuk meneruskan lagi perjuangan Islam di tanah air.

Pasca Pru 12 telah membawa satu sinar baru dalam politik tanah air dan Pas terpaksa membawa satu pendekatan baru untuk melawan arus dan mengemudikan bahteranya dalam arus tsunami politik yang begitu kuat. Persoalannya pada hari ini ialah sejauh mana amilin

manusia bukan mengambil masa senai tapi mungkin mengambil masa bertanding.

Oleh itu kepada semua pendokong gerak kerja Islam marlah kita sama2 merubah mentaliti dan gerak kerja dakwah kta dalam mendepani arus yang kuat ini. Janganlah kita karam dalam arus ini seterusnya membawa kelemahan kepada gerak kaerja dakwah ini

Ps: mintak maaf ustaz dan semua pembaca komen ini kalau apa yang saya tulis keluar dari luang lingkup tajuk perbincangan kita

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *dubliner* says:
08/07/2008 at 10:26 pm

salam ustaz.

sependapat dilema antara tarbiyah dan siasah

mudah sahaja tarbiyah= didikan

siasah= populariti

jika tarbiyah di jeopardizekan utk siasah, maka lihatlah gerakan islam yang lembab, tidak punya idealisma dan idea.

baru sahaja keluar dari dari gerakan siasah.

tak mampu berkompromi, tetapi sedang mencari strategi baru

saya takkan buat gerakan baru. hehe. dah belajar dari silap abim, jim

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

hubb_addin reply on July 8th, 2008 11:25 pm:

assalamu'alaikum ustaz dan pembaca semua.

maaf...saya kurang bersetuju apabila dikatakan siasah = populariti. apa yang saya fahami siasah itu bermakna sejauh mana kita mengambil cakna permasalahan ummah dan merencanakan sesuatu yang terbaik bagi merungkai permasalahan tersebut.

malangnya ia menjadi suatu populariti murahan apabila dikedalikan oleh orang-orang yang bukan ahlinya dan orang-orang yang tidak meletakkan Allah di dalam hati mereka. jadilah mereka ini kelihatannya dari luaran sebagai orang yang seolah-olah sangat prihatin dengan nasib ummah sedangkan hati mereka berbunga riang kerana dipandang sebagai penyelamat ummah kononnya.

mungkin kerana itulah siasah menjadi ikon populariti...maaf sekiranya saya salah faham dengan apa yang dimaksudkan oleh dubliner...wallahua'lam...

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *iman_maryam* says:
08/07/2008 at 11:19 pm

mungkin ana sebesar sinchan nak beri komentar ttg tarbiyah vs siasah..maklum le budak baru belajar dlm byk hal..apa pun alfu mabruk ust n semua komentar krn membantu dlm

[Reply](#)

- **Mohd** says:
08/07/2008 at 11:58 pm

Memetik kata-kata Mustafa Masyhur, Tarbiyah bukanlah segala-galanya tetapi segala-galanya dapat dicapai dengan tarbiyyah.

Ana terfikir adakah terlalu idealistik untuk menggapai maksud tarbiyyah melalui gerak kerja siasah?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **kahfi8** says:
09/07/2008 at 2:10 am

Assalaamu'alaikum..

Ana berpandangan yang tarbiah penting untuk permulaan gerak kerja Islam tidak kira dalam bidang apa sekalipun. Segala-galanya boleh bermula dengan usrah atau halaqot.

Maaf jika ada kekurangan atau kesilapan, mohon diperbetulkan..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

-  **egypt_medik** says:
09/07/2008 at 3:54 am

salam, sebenarnya sudah beberapa hari saya berusaha untuk memahami artikel ustaz kali ni.. selepas berbincang dengan kawan2, dan membaca laman web yang lain, kini saya baru berani nak menyatakan pendapat saya..

disini, saya ingin meluahkan sedikit perasaan dan menyatakan pandangan saya terhadap isu ini..

sejak PRU baru2 ni, saya amat gembira dengan perubahan yang PAS lakukan, ternyata, pada sangkaan saya waktu tu, PAS semakin matang dengan keadaan politik malaysia, saya gembira kerana PAS dalam usaha mempraktikkan maksud negara Islam yang memang memberi kebajikan kepada semua manusia tanpa mengira agama dan bangsa. syabas sebab PAS mula berfikiran lebih terbuka dan mula bergabung dengan PKR dan DAP!

namun, kini saya mula sangsi, mimpi ngeri mula menghantui jiwa saya! segalanya bermula dengan PROTES yang dibuat baru2 ini. saya berasa sungguh terkilan dengan apa yang berlaku. aksi menunjuk punggung dan pergaduhan sesama sendiri! apa yang dah berlaku sebenarnya?

saya menunggu2 kenyataan dari tuan presiden PAS, dan lain2 berkenaan dengan isu ini. tapi, penantian saya bagaikan punggung rindukan bulan... kadang2 saya memikirkan PAS terlalu berlembut, menjaga perasaan rakan2 dalam Pakatan Rakyat, sehingga tak berTEGAS dengan prinsip perjuangan.

malang, kenyataan saudara Roslan SMS dalam blognya

(<http://n32.blogspot.com/2008/07/bila-exco-pun-tak-faham-saya-yakin.html>)

“Sikap dan perangai EXCO ini pasti akan mendatangkan masalah besar kepada PAS kerana ternyata beliau tidak boleh memahami PAS, sedangkan beliau EXCO dalam kerajaan campuran bersama PAS.”

menjadikan saya menjadi semakin takut, bahkan ketakutan saya semakin kemuncak apabila membaca komen2 dari pembaca dalam blog beliau.. ya Allah... saya takut jika harapan saya yang ingin melihat PAS dapat mempraktikkan konsep negara Islam yang mengutamakan kebajikan itu tidak dapat dilaksanakan! saya merasakan, pelaksanaan ke arahnya kini semakin jauh....

saya begitu kecewa, terkilan dan sedih melihat situasi yang berlaku di Malaysia, di saat kemenangan pembangkang dalam PRU yang lalu, menguasai 2/3 parlimen, saya begitu tak menyangka keadaan ini berlaku!

saya amat berharap agar para pimpinan cepat2 bertindak dalam menjelaskan situasi yang berlaku.. diharapkan agar ahli2 juga membantu para pimpinan dalam memperjuangkan Islam..

saya masih berpegang kepada konsep wala' dan thiqah! oleh sebab itu, saya tak berani nak memberontak dan keluar dari PAS. Saya lebih memandang kejadian yang berlaku ini adalah disebabkan kemampuan seseorang pemimpin dalam menggerakkan jemaah, bukan nya salah jemaah itu sendiri.

saya amat berharap agar PAS lebih realistik dalam bertindak selepas ini, menganalisa dengan jelas pro dan kontra setiap tindakan yang dibuat. harap tak dilupakan, bahawa kita sekarang, BUKAN pembangkang secara total, tapi kita juga adalah pemerintah.

YA! kita akan terus memperjuangkan TARBIYAH!
TAPI,
pendekatan SIAHAH tu, harap tak dipandang ringan!

Islam itu agama yang mementingkan hubungan dengan Allah dan JUGA hubungan sesama manusia..

semoga pakar2 sejarah dan sosial akan membantu perjuangan PAS!
TAKBIR!! 3X

“ya Allah, Kau bantulah PAS di Malaysia, Kau tolonglah mereka, Kau kuatkanlah mereka, tingkatkan kefahaman kami dan mereka dalam agama-MU” -ameen-

u/p;

;err.. saya takut jugak kalau2 saya dah bersangka buruk kepada pimpinan PAS, semoga Allah ampunkan saya..

:saya mengutarakan pandangan saya yang kelihatan agak biadap ini, kerana saya ingin rakan2 membetulkan kesilapan atau kesilapfahaman saya(jika ada)...

;tegur dan marahlah saya kalau saya ada buat kesilapan dalam mengutarakan pandangan saya..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 9th, 2008 10:06 am:

maupun kepada diskusi kerana menyebut dengan jelas di mana-mana isi-isinya penting yang perlu diperbincangkan.

Pertama sekali, pandangan yang saya kemukakan di dalam artikel ini adalah pandangan, analisa dan cubaan menjernihkan apa yang kusut di fikiran. Maka ia bukanlah suatu pendirian rasmi mewakili sesiapa kecuali wacana diri penulis seadanya.

Fikiran dan perasaan kita akan lebih tenang apabila berdiskusi tentang hal-hal sebegini, jika kita mempunyai mindset yang betul tentang gerakan Islam yang kita sertai. Bahawa ia adalah gerakan manusia yang menempuh proses kedewasaan yang berterusan. Maka apa sahaja catatan dan pencapaian sebuah gerakan, ia sentiasa merupakan satu proses ke arah menambahkan kematangan dan kedewasaan yang diperlukan.

Kita akan rasa gelisah, apabila kita sudah menetapkan bahawa gerakan kita sudah siap. Maksud saya, gerakan yang kita pilih kerana terbaiknya gerakan itu, kita anggap sebagai gerakan yang sudah bersiap sedia dan lengkap dengan segala keperluan yang diperlukannya untuk melaksanakan misi yang didukung. Sedangkan ia sama sahaja dengan hukum alam ke atas manusia, bahawa tatkala dirinya rasa telah alim, maka jahillah dia. Jahil kerana berhenti dari terus berusaha menjadikan dirinya alim sedangkan dia perlu kepada banyak ilmu baru setiap hari sepanjang hayatnya. Tatkala sebuah gerakan dianggap oleh pendukungnya sebagai sebuah gerakan yang telah siap, lengkap dan sempurna, maka cacatlah gerakan itu apabila pengikutnya berhenti dari berusaha memperbaiki tanzim mereka.

Jika diambil PAS sebagai contoh, biar pun pengalamannya sudah sarat dan lama, setiap era akan mencabar PAS dengan cabaran yang baru. PAS sudah ada pengalaman menguruskan diri dan masyarakat di era kemerdekaan, di era amerikanisasi 60'an, di era kebangkitan Islam 70'an, era kerjasama dan menjadi sebahagian dari kerajaan pemerintah pada akhir dekad 70'an, era kepimpinan ulama di zaman 80'an, era negara meningkat maju di era 90'an, era reformasi di akhir dekad itu dan senarai ini terus menerus...

Hari ini, cabaran-cabaran yang datang terus bercambah. Elemen baru yang sedang PAS hadapi ialah liberalisasi maklumat yang menjadikan pemikiran masyarakat Muslim dan non Muslim di Malaysia sangat pelbagai, tidak pernah sampai ke tahap ini di mana-mana era sejarah masyarakat Malaysia dan PAS... Kesemua ini menuntut PAS untuk tidak berhenti belajar, mengemas kini, menyemak, menganalisa dan melakukan tindakan yang sepatutnya, supaya cabaran yang datang ini dibalas dengan tindakan yang tepat bagi menjawabnya.

Dalam erti kata yang lain, anda dan kita semua akan rasa tenang, jika kita buang satu idea di dalam fikiran kita bahawa jemaah dan isi kandungan tarbiyah serta fikrahnya adalah kudus dan tidak boleh disentuh, dikritik atau dipersoal.

Soal intima' dan wala', adalah soal disiplin dalam gerak kerja jemaah. Dalam pejabat ia boleh dipanggil sebagai akauntabiliti, komitmen, dan sebagainya. Namanya lain, tetapi konsepnya tidak jauh berbeza. Intima' dan wala' sebagai disiplin amal jama'ie tidak seharusnya menjadi bahan kimia yang membisukan ahli gerakan Islam dari bertanya, berbincang, berdialog malah mempersoalkan tindakan serta keputusan kepimpinannya.

Asalkan, segalanya dilakukan dalam suasana AKHLAQ yang tiada toleransi mengenainya.

Adalah tidak mudah untuk PAS memainkan peranannya secara optimum pada suasana dan cabaran yang ada hari ini. Ujiannya pelbagai. Usahkan mahu mendidik rakyat, mahu menyebarkan nilai positif di kalangan sesama rakan DAP dan PKR pun, masih merupakan

tepat, seharusnya menjadi bahan analisa untuk penambahbaikan. Bukannya bahan untuk menghentam, mengutuk atau mencaci hina. Kecualilah oleh pihak yang meletakkan dirinya sebagai MUSUH kepada PAS. Jika yang menghina kesilapan PAS itu ialah MUSUH, maka janganlah dimarah anjing menyalak bukit kerana itu memang bahasanya dia. Dia musuh, what do we expect?

Maka, janganlah digusarkan insiden-insiden yang telah, sedang dan akan terjadi. Selagi PAS komited dengan prinsip keadilan, kejujuran dan terus menjunjung cita-cita mendaulatkan Syariat Allah, ia akan terus berada dalam kebaikan.

Cuma mungkin pelajaran barunya ialah, dalam usaha mendaulatkan Syariat Allah, Sunnatullah juga harus diperjuangkan. Tidak mungkin kembar si abang selesa, jika adiknya dibiarkan tanpa jagaan. Begitulah Syariatullah dan Sunnatullah dalam memenangkan Islam.

Wallahu A'lam ya akhi al-habib

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

bonda reply on July 9th, 2008 3:43 pm:

PR - ialah pakatan rakyat yg disertai oleh Pas dan diketuai oleh datin seri wan azizah.

ia dianggotai oleh tiga komponen utama Parti Keadilan Rakyat, PAS dan DAP - dipanggil sbagai Pakatan Rakyat.

protes kenaikan harga minyak - tersebut dikendalikan oleh pakatan tersebut yg dipelopori oleh pihak keadilan begitulah juga konsert mas edayu dan ella yg diuruskan oleh pihak umno.

apakah cara yg kita fikir terbaik dilakukan? pecat jawatan? atau bagaimana? jika pecat pun mudarat kesannya. tak sampai 24 jam hebohlah media dgn kekejaman dan corak kukubesi dsb gelaran akan diberikan.

cthnya kelantan haramkan konsert hiburan hampir 20 tahun lalu. pun begitu berapa banyak siti nuhaliza/artis2 di bawa ke kelantan dalam konsert2 anjuran umno bahkan dilaga2kan hubungan kerajaan negeri dengan istana apabila diadakan konsert sempena birthday sultan dlm perkarangan istana dan dihotel2. rakyat dijemput sama. esoknya keluar dlm paper - RAKYAT KELANTAN DAHAGAKAN HIBURAN. RAKYAT KELANTAN BERSYUKUR KERANA ARTIS DIBAWA KE NEGERI.

walaupun ribuan rakyat membuat protes terhadap konsert itu yg keluar ialah berita di atas. ini sejarah lepas. entah ramai yg tahu ataupun tak tahu. sejak dahulu pas tidak berubah dgn prinsipnya. yg mana salah tetap salah. yg mana benar akan disokong.

sebagai sebuah jemaah/parti Islam - bantahan telah disampaikan melalui bantahan2 baik lisan dan tindakan. bahkan pemuda pas sendiri menghantar surat kpd MB selangor dan mohon diadakan pertemuan dgn pihak istana. oleh kerana mereka yg masih ada lagi fahaman sekular itu menerajui bbrp posisi maka, pas terpaksa akur sukarnya utk ubah pemikiran manusia yg sudah 50 tahun ditanam dgn meringan-ringankan dosa dan pahala.

protes kenaikan harga minyak - dgn perhimpunan BERSIH - cubalah bandingkan. begitu juga protes kenaikan2 minyak yg dibuat oleh Pas sebelum ini. buat perbandingan. kemudian baru buat penilaian.

dan datan , dan ada tikus dan tuar. TIKU2 Kanan Bersama.

Pas di kelantan sentiasa keletihan. keletihan untuk memastikan ladang subur, keletihan untuk menghambat gangguan2 tersebut. Sapa yang nak bantu Pas?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[imakubex](#) reply on July 9th, 2008 11:07 pm:

Assalamualaikum,

mgkn ini kurang relevant, tapi just a point of view. I think PAS members need to understand that PAS is a political party in the eyes of the public. As such, there are certain things that PAS needs to address to. It is rather rash to assume that just because PAS has power, they can do whatever they want to. Not in places in KL, at least. People are critical to what is being done, and hence, it is not a matter of black and white. I think PAS needs to be pragmatic and realistic in its approach to people, and in pragmatic meaning that the aims set needs to take into account its political and social impact, as well as other item in PAS' agenda.

The inherent danger in pushing too fast too much is that people are not ready for it yet. The trust given to PAS now must not be squandered. Work for the people, don't expect them to accept you the way you are, rather, accept them the way they are and work around it. I think there are considerations to be made that PAS members should understand.

Perhaps PAS should have a tarbiyah module on politics for its members. (maybe there is, I have no idea). By politics I mean proper understanding of politics, not politics kedai kopi, if you like.

Just my 2 cents

Wslm

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **KB** says:
[09/07/2008 at 12:10 pm](#)

salam

ustaz, dalam pemerhatian ustaz sekarang, adakah PAS patut kekal dalam Pakatan Rakyat @pun memulakan perbincangan dengan UMNO?

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **QWERT** says:
[09/07/2008 at 4:19 pm](#)

salam,

protes hari tu, pada dasarnya gembira, kerana kita di malaysia (masyarakat berbilang

Bukan suatu elemen penting, bukan yang dihorai untuk dipertahankan, tapi entantah, itu hanyalah satu contoh di antara contoh-contah yang lain. sedikit takut dengan kemenangan yang dikongsi bersama ini. semoga pemimpin Islam kita yang memperjuangkan Islam, diberikan kekuatan, tidak terlalu bertoleransi di dalam toleransi. didoakan juga kepada semua pejuang Islam turut diberi kekuatan dan semakin ramai akan bersama kita. ISLAM pasti akan menang. Itu janji ALLAH.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **Max KB** says:
10/07/2008 at 2:14 pm

Salam ustaz...Alhamdulillah artikel yang sangat baik.Awal-awal lagi saya ada terfikir akan berlaku hal yang kurang enak seperti ini,sebelum pRU lagi..Bukan menidakkan tahalluf siyasiyy,tapi bak kata ustaz, semuanya kabur tanpa ada hitam putih...Kaulah ustaz masih ingat sewaktu PERMAI 08,saya ada melontarkan permasalahan ini.Dan saya faham dan jelas sewaktu itu tentang penjelasan ustaz.Menjadi sosok moderat dalam PAS..Saya sebagai individu yang cintakan Din ini,sentiasa menyokong dan mendokong sebarang dakwah dan islah yang berteraskan Al-Quran dan Sunnah...Bercakap pasal Dr Asri,insan yang turut saya kagumi seperti Abu Saif sendiri..Kalian berdua berada mungkin pada jalan yang berbeza,tapi percayalah jalan itu selari, mengejar jelas matlamat dan tujuan yang tetap sama..Bercakap bab hiburan,pendekatan Dr Asri yang mula merapat dengan golongan artis,mungkin patut kita sokong dan dokong...Insyaallah ada perubahan nanti dengan adanya sentuhan Islam dalam industri hiburan kita..Wallahualam ustaz.Hanya secebis pandangan xseberapa dari seorang saudara seakidah..

p/s rindu nak tengok karya anak watan seperti yang terhidang di bumi Merah Putih.AAC dah keluar,hanya menunggu Sang Murabbi dan Ketika Cinta Bertasbih je...

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- **Kalam Bicara** says:
10/07/2008 at 6:53 pm

Salam Semua,

Saya agak terguris dengan kritikan zaen yang berjela sebelum ni, kadang-kadang rasa seolah-olah PAS ni tak reti sangat.

Zaen cakap

“pas dlm hal nie...tak usah la nk cerita pasal nak tegakkan undang2 islam...terlalu jauh untuk mencapainya....pas..perlu unit untuk bantu artis2..penagih dadah..peroko2 remaja..mat2 rempit..pelajar universiti..golongan miskin...petani2...nelayan2...terlalu banyak sebnarnya....bantuan kewangan,kauseling,insentif pendidikan,peluang pekerjaan,modal/barang2 perniagaan,gotong-royong

kita perlu cater mslh nie dulu sbhm cater mslh2 lain....”

Saya setuju dengan kritikan zaen tu, tapi siapa zaen tu nak mengajar PAS . PAS ni satu kapal besar yg terdiri dari pelbagai masyarakat, dari yg tak sembahyang hingga ke ulama tersohor .

Saya menubuatkan cadangan bernas berda'irah, dengan sama-sama turun kelapangan dan menjadi pendokong PAS. Setelah anda menjadi pendokong PAS, realisasikan lah cadangan bernas anda itu

InsyaAllah, anda akan faham siapa diri anda.
Anda ni sebiji macam penyokong fanatik bola sepak.

Buat renungan " Perjuangan bukan sekadar MENYATAKAN kebenaran, bahkan ia lebih daripada MELAKSANAKAN kebenaran "

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

bonda reply on July 14th, 2008 2:06 pm:

terguris mmg terguris. sbb sudah lebih 10 tahun, tanpa jemu uruskan para remaja - tapi tak mengapa, sbb mungkin sahabat kita ini belum tahu/tak ada maklumat. Jadi apa yg beliau nyatakan itu hanyalah dalam pengetahuan beliau yg terhad. Mungkin jika diajak turut serta dalam aktiviti2 dan juga tindakan bersama, makin jelaslah peranan jemaah Islam Pas ini kpd seluruh masyarakat terutama golongan miskin, anak yatim, ibu tunggal, gadis mengandung tanpa suami, mat motor etc.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

Aziz Kifli reply on July 17th, 2008 6:53 pm:

Aku pun gitu juga...

Usaha untuk kita menegakkan agama Allah adalah sesuatu yang wajib bagi umat Islam. Kita mesti Islam secara keseluruhan. Walaupun usaha ini akan ditentang oleh orang Islam sendiri dan tentunya orang bukan Islam.

Ini adalah perkara pokok pangkal. Saya bukanlah seorang yang berpendidikan Agama, tetapi jiwa saya tetap Islam. Perjuangan mesti di teruskan.

Setelah Islam itu telah tertegak maka dengan sendirinya perkara-perkara yang dinyatakan oleh saudara zean akan terkawal.

Sekiranya kita tinggalkan usaha untuk menegakkan hukum Islam, seolah-olah kita menggunakan kekuatan akal fikiran kita, yang tentunya terbatas, untuk menyelesaikan masalah. Oleh itu saya berpendapat usaha tersebut mestilah berjalan dengan serentak.

Sekian, Wassalam.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Kalam Bicara](#) says:
10/07/2008 at 7:12 pm

Salam...

Makluman kepada pengkritik dan pemberi idea kepada PAS .

Komen saya sebegini bukan beerti saya ni fanatik kepada PAS, cuma saya nak menyeru kepada semua supaya berlaku adil dalam kritikan atau memberi idea..

Sebelum kita mengkritik PAS , lontarlah persoalan ini dalam diri kita, ini bagi mengelakkan kita menjadi tidak adil dan hanya sekadar menjadi pengkritik celik tapi buta;

Siapakah PAS?

Apakah entiti di dalam PAS ?

Sekiranya aku ini Presiden PAS, mampukah aku buat perubahan ?

Adakah pemimpin PAS tu tak mengaji ?

Itu mungkin beberapa persoalan yg saya terlintas utk nyatakan.

Sedarlah bahawa adalah tidak adil jika kita menggesa PAS buat perubahan , seperti kita mengubah font dalam tulisan artikel pada komputer.

Fikir-fikirkanlah...

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 10th, 2008 10:31 pm:

Assalamualaikum.

Sebagai owner kepada blog ini, saya memikul tanggungjawab untuk mengawal dan menghala tujuan perbincangan kita. Saya bersetuju dengan Kalam Bicara, bahawa kritikan kepada PAS atau kepada sesiapa sahaja, mestilah dengan komitmen kepada Akhlaq, berbahasa dengan elok dan seterusnya memberikan komen yang ber'isi' dan bukan sekadar kritikan kosong lagi melukakan.

Dalam masa yang sama juga, saya menasihatkan diri saya dan Kalam Bicara serta yang lain-lain supaya turut sama berlapang dada dengan kritikan sesiapa sekali pun. Sebuah gerakan Islam yang berjiwa memerintah, harus mampu menerima kritikan dari seluruh lapisan rakyatnya, sama ada kritikan itu dibuat dengan cara yang betul atau tidak. Itulah sikap pemerintah.

Jika orang tersalah cara dan bahasa dalam menegur, pedulikan cara dan bahasanya, tetapi jangan dikesampingkan content teguran itu. Mana yang betul, take note. Mana yang salah, buat apa yang patut, tetapi jangan dimarah-marah.

Saya tidak faham, kenapa kita kata tidak adil meminta PAS membuat perubahan? Bukankah itu tanda orang mahukan PAS berperanan, tanda pencadang itu masih ada keyakinan kepada PAS? Pada saya, yang memusuhi PAS ialah yang membiarkan PAS tanpa peduli, seolah-olah mereka kata, "go to hell la PAS!"

Teguran ialah proses.

Dan ia tidak pernah bermaksud memperlekeh kepimpinan. Hanya diktator dan ketua ajaran sesat sahaja yang mengkuduskan dirinya dari dibetulkan dan ditegur.

Dan jangan tolak teguran terhadap PAS oleh bukan orang PAS hanya dengan alasan, dia orang luar. Teguran dari luar ada 'kelebihan dan kekurangan' sebagaimana teguran dari dalam. Dan tidak semestinya jika yang mengomen itu tidak memakai lencana PAS maka kita terus anggap dia orang luar.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Amin Ahmad](#) reply on July 10th, 2008 11:54 pm:

Haha, itu yang tak tahan. Penulisnya adalah AJK Dewan Pemuda PAS. Saya kira itu langkah progresif PAS :)

Betul ya ustaz, kita ni cepat sangat nak bermusuh..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Abu Saif](#) reply on July 11th, 2008 12:56 am:

Susah buat kerja tak pakai nametag

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Kalam Bicara](#) says:
11/07/2008 at 10:42 am

Terima Kasih Ustaz diatas maklum balas,

Saya mengerti apa yg ustaz maksudkan . Memang kritikan adalah PROSES .

Saya telah nyatakan awal-awal lagi bahawa saya bersetuju dengan kritikan yg yang diberikan , bahkan saya juga berfikir seperti mereka .

Tapi kritikan dan seruan saya supaya mereka membuat anjakan paradigma dalam menilai pelbagai perspektif sebelum membuat kritikan, juga adalah satu PROSES yg perlu mereka ubah seperti mana mereka menggesa PAS dengan pelbagai idea, untuk berubah .

Tanggungjawab mengubah kearah kebaikan bukan hanyalah milik PAS, tetapi milik semua orang untuk memikulnya . Seruan saya adalah untuk semua orang berubah . Berubah paradigma dalam membuat kritikan.
Sesungguhnya kritikan saya ini, bukanlah kritikan marah atau emosi, tetapi kritikan sayang atau mahabbah.

Saya minta maaf jika komen saya sebelum ini dilihat defensif, seolah-olah hendak menyatakan bahawa sumbangan dan peranan PAS yang besar pada ketika ini sebagai suatu 'excuse' untuk tidak dikritik.

Sebenarnya saya bukan bermaksud demikian. Cukuplah sebagai renungan ;

“Sepahit-pahitnya MENYATAKAN kebenaran , tetapi pahit lagi MELAKSANAKANnya “

Alhamdulillah , medan kritikan maya ini adalah PROSES , moga-moga ia memberi kesan PERUBAHAN terbaik buat kita semua.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Kalam Bicara](#) says:

Ni muhasabah buat diri saya.... dan sesiapa yg termakan cili pasti juga terasa pedas... tak makan takpa, He he.. .

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [Amin Ahmad](#) says:
11/07/2008 at 5:12 pm

Saya rasa orang atas pagar akan berebut-rebut masuk PAS kalau sentiasa jumpa orang PAS macam Ustaz Hasrizal :) Tapi saya tak mahu jadi ahli politik lagi ya Ustaz..dulu cikgu sekolah selalu tanya saya "mana pi name tag kamu?". Dan waktu tu budak-budak sekolah memang tak berkenan cikgu yang suka tanya pasal name tag ni ustaz! hehe

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Muhtar Suhaili](#) reply on July 11th, 2008 8:08 pm:

Saudara Amin;

Adakah 'orang atas pagar' yang akan berebut-rebut (bukan buat masa ini tapi kemungkinan masa depan) itu termasuk Saudara Amin Ahmad? :-) Sekadar bertanya...

Ustaz Hasrizal;

Saya ada 'name tag' tetapi jarang pakai 'name tag', lebih suka simpan 'name card' sembunyi-sembunyi dalam dompet! Mungkin buat masa ini masih 'sekan' mempamerkannya tanpa menafikan kemungkinan masa depan memakai 'name tag' dengan bangga...

Wallahu a'lam.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Amin Ahmad](#) reply on July 12th, 2008 12:25 am:

Akhi Muhtar pandai mengusik nampaknya. Untuk soalan akhi itu biarlah saya simpan dulu jawabnya. Saya tak mahu isu 'name tag' mengaburi persoalannya - substance over form orang kampung kata, hehe.

Pengalaman dakwah saya yang banyak dengan tabligh yang saya anggap sebagai ciri kebangunan masyarakat sivil mungkin berbeza dari penggelut siasah. Tapi dalam liku pengalaman bersama tabligh yang dilihat tidak berpolitik, saya jumpa banyak warna politik dalamnya. Punyalah saya dianggap pelik kerana jadi 'mat tabligh yang rock dan berpolitik', sampai kawan tabligh saya yang apolitikalk menghadiahkan sebuah buku nipis berkaitan pendirian tabligh terhadap politik - lebih kurang macam pendirian kelompok yang mahu digelar Salaf je bila saya baca :) (Jangan anggap ini sebagai mengecilkan mana-mana name tag ya!)

Ustaz pun tahu sebenarnya kawan-kawan saya ada yang pakai name tag hijau, merah, biru dan sebagainya. Mereka pun kawan-kawan ustaz..semua pun mad'u dalam dakwah :) (Eh, kenapa rasa macam tersasar topik ni! hehe)

kebykan alim ulama' tuan-tuan guru yg amat aktif dgn gerakan tabligh terutamanya di pakistan dan juga di india adalah mrk yg turut sama dlm gerakan siyasah di sana.

lebih2 lg di pakistan. - sbb dari sana ia bermula, dan di sana juga mrk berperanan. cuma gerakan tabligh di luar dari 2 negara ini adalah berbeza. lebih tumpuan pd soal tarbiyah.

samalah dgn tarbiyah PKS (indonesia) akan seiringan antara tarbiyah dan juga siyasah (politik) di Indonesia. Tetapi apabila PKS ini berada di Malaysia, maka samalah dgn tabligh tadi - usahanya hanya menumpu pada tarbiyah semata-mata. kerana jika nak berpolitik, mrk terpaksa balik kampung/balik negeri.

begitulah juga jemaah2 lain yg asalnya dari mesir, jordan turki. jemaah ini boleh teruskan agenda tarbiyah mereka di sini, tetapi apabila tiba waktunya untuk melaksanakan/aplikasi apa yg mrk bawa, maka ia jadi tak sesuai dan tak kena.

Kerana itu, jemaah2 di atas ini dapat memberikan tumpuan yang lebih dalam memperkasakan tarbiyah.

tarbiyah ialah mendidik, setelah mendidik mesti ada tindakan selanjutnya yakni melalui tindakan/penglibatan dalam siyasah (politik).

bagi sebuah gerakan politik tempatan, Pas adalah serupa dgn tabligh di pakistan, serupa dgn PKS di indonesia, ikhwan di mesir dari segi memainkan peranan dalam konteks tempatan - tarbiyah dan juga siyasah.

begitulah jika kita letakkan Pas ini di negara lain. tentu peranan yg lebih dimainkan hanyalah berkisar/lebih byk menumpu pada aspek2 pentarbiyahan.

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *Umar_Al_Khattab* says:
13/07/2008 at 12:20 am

dari negara Islam kpd negara berkebajikan.

mungkin Pas nak pergi step by step...

umpama team bola malaysia , kalau selalu kata matlamat nak menang piala dunia , mmg agak mustahil dan org pun tak caya...even diorg pun takkan caya...

so diorg tukar matlamat dan matlamat terbaru adalah utk menang piala asia....

maybe lepas menang piala asia , mungkin keyakinan utk menang piala dunia akan bertambah...

so ibaratnya adalah

negara islam = menang piala dunia
negara berkebajikan = piala asia

kalau piala asia pun asyik tak kecapaian , kena turunkan lagi target sekadar piala ASEAN je kot....

Secara ringkas dan padat...

dalam perang badar , 313 org Islam dpt kalahkan musuh yg 3 kali ganda dgn kelengkapan perang canggih adalah kerana TAQWA yg adalah pada setiap muslim tersebut...

dan dgn itu , Allah menurunkan pertolonganNya . Sunnatullah utk Allah turunkan bantuanNya telah dipenuhi.

“Dan Allah tidak menjadikan (bantuan malaikat) itu melainkan sebagai berita gembira dan supaya hati kamu tenang tenteram dengannya. Dan kemenangan itu pula hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. ” al-anfal : 10

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [abu ubaidah](#) says:
26/09/2008 at 9:25 pm

Salam,
ana nak bertanye, adakah ini bermakna pemisahan antara gerakan dakwah dan politik? dan mustahil untuk kedua2nya bergabung? Jazakallah kepada ustaz

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [tun terawis ipoh](#) says:
05/10/2008 at 12:34 pm

PADA PENDAPAT SAYA KITA MESTI KEMBALI KEPADA PEWARIS2 MUDARRIS DAN ULAMA2 DULUKALA..

BOLEH MERUJUK PADA ILMU2 YG DIBAWA OLEH ABJAD MALAYSIA ATAU YAYASANNYA YG MERANGKUMI SEGALA ILMU YG LENGKAP DAN AKAN MEMBONGKARKAN ATAU MENCELIKKAN SEMULA APA YG KITA CARI SAMAADA DARI PEMIMPIN ATAU RAKYAT YG MEMPERJUANGKAN KESYUMULAN DI TANAH AIR INI...

PEWARIS KHALIFAH MELAYU JAWI UMAT ISLAM
“MEMILIK MEMERINTAH MEWARISI MUKA BUMI”

ALLAHUAKBAR....

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [tun terawis ipoh](#) says:
05/10/2008 at 12:50 pm

PALING PENTING ADALAH KEFAHAMAN KEPADA GOLONGAN MUDA MUDI DGN JATI DIRI ISLAM.....

PROSES INI MESTILAH DENGAN MENERAPKAN NILAI2 PENTINGNYA BERJEMAAH DALAM SETIAP IBADAH DAN PEKERJAAN.....

CADANGAN;

-MENGADAKAN KHEMAH2 RIADHAH PERTAHANAN DIRI

-KHEMAH PENYATUAN PEMUDA2 MELAYU ISLAM PERKONGSIAN SEGALA AKTIVITI EKONOMI

[DISAMPING PERKHEMAHAN INI MENERAPKAN NILAI2 ATAU ILMU2 TAUHID, SYARIAT, DAN FIQAH]

-SELEPAS ITU PENERAPAN ILMU2 TASAWWUF BAGI YG MENGINGINKAN ILMU2 HULUBALANG DAN KEPERKASAAN PERTAHANAN MENURUT ISLAM DARI KITAB2 ISLAM TERDAHULU YG DIKOLEKSIKAN OLEH ULAMA2 NUSANTARA KHASNYA.....

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- [tun terawis ipoh](#) says:
05/10/2008 at 12:57 pm

PAS : KE ARAH PEMERINTAHAN ISLAM YANG ADIL

~~~~~  
SEJARAH RINGKAS NUSANTARA

-----  
Sebelum kedatangan Islam di Nusantara, penduduk di Asia Tenggara adalah terdiri daripada penganut fahaman Buddha Syinrawath ( Buddha Puja Dewa ). Pada ketika itu penganut-penganutnya sudah pun sedia mengamalkan perkara-perkara luar biasa yang menyalahi kebiasaan iaitu " Mencarik adat " yang lahir hasil daripada pemujaan ' dewa-dewi', jampi serapah atau yang seumpamanya. Keadaan ini berlaku adalah hasil daripada pertolongan jembalang-jembalang yang terdiri daripada Jin samada dengan menjelma ke dalam diri pemujanya ( Tanasukh Aruah ), Istidraj, Sihir atau silap mata. Semua amalan ini amat kuat pengaruhnya dalam kehidupan seharian mereka pada waktu itu. Mereka mengabdikan diri hanya kepada Dewa-Dewi semata-mata. Dalam konteks ini pegangan fahaman beragama adalah bersumberkan daripada Rahib-rahib yang dikatakan mendapat ilham dari tuhan dewa-dewi samada Dewa Rama, Dewa Sita, Dewa Siva dan yang seumpamanya.

Ketika Islam tersebar luas di Semenanjung Arab hingga ke Eropah dan juga ke Asia, maka banyaklah mubaligh-mubaligh Islam dari kalangan orang-orang Arab dan bukan Arab yang datang membawa agama Islam ke sebelah Asia Tenggara sebagai pedagang. Dari situ Islam mula bertapak dengan kuatnya di negeri-negeri bawah angin ini.

Gejala isma-isma yang tidak sihat pada waktu itu beransur-ansur hilang kegemilangannya bahkan di sesetengah tempat, umpamanya Aceh isma-isma tersebut telah

di benteras sehingga ke akar umbinya. Inilah hasil daripada tarbiah dan didikan mubaligh-mubaligh dan para Daei Islam yang benar-benar alim lagi sufi. Kehadiran mubaligh-mubaligh tersebut seumpama membawa sirna kegemilangan dan kecemerlangan kepada penduduk tempatan sehingga pada satu ketika Aceh mendapat jolokan sebagai Serambi Mekah.

Setelah sekian lama gejala pemujaan jampi serapah hilang, akhirnya ia timbul semula setelah Portugis, Belanda, Spanyol, Perancis, Amerika dan Inggeris berusaha menakluki Asia Tenggara dengan memperkenalkan agama Kristian di samping perdagangan yang menyebabkan orang Islam bangun menentang mereka. Pada suatu ketika Belanda telah membunuh lebih daripada 6,000 Ulama Islam di Tanah Jawa. Pada ketika itu ulama merupakan tokoh pemimpin yang utama dalam semua aktiviti harian bermula dari aspek agama, sosial dan kemasyarakatan, ketenteraan hinggalah kepada perubatan dan sebagainya. Mereka inilah yang banyak memainkan peranan penting dalam menggerakkan penentangan terhadap penjajahan barat, kerana merekalah yang terlebih dahulu

atas negerinya dan anak-anak bangsanya.

Akibat daripada peristiwa itu, maka saki baki pahlawan Islam yang hilang pedoman telah cuba meneruskan perjuangan menentang Belanda dan Inggeris dengan kekuatan dan keilmuan apa saja yang ada pada mereka asalkan mereka mampu. Dalam keadaan terdesak itu mereka berusaha memperolehi daya kekuatan yang luar biasa melalui amalan-amalan cara hulubalang, wirid-wirid, jampi serapah dan yang seumpama dengannya,

melalui kaedah biasa dan setengah daripada mereka melalui Uzlah ( bertapa dan riadah ), maka datanglah pula jembalang-jembalang daripada Jin samada Jin Islam atau Jin Kafir yang berhubung dengan mereka, dengan cara Tanasukh Aruah ( penjelmaan ke dalam diri ), istidraj, sihir atau silap mata yang menolong mereka menghasilkan hajat mereka, yang pada sangkaan mereka adalah malaikat-malaikat atau wali-wali atau Nabi Khaidir yang telah datang berhubung dengan mereka.

Sementara itu di Tanah Jawa timbul pula fahaman Wahdatu Ujud yang tidak dapat membezakan di antara Wahdatul Ujud Marhumah ( dalam bab Sufi ) dengan Wahdatul Ujud Mazmumah ( dalam l'tiqad di panggil Hulluliah, Mulhid, Zindik ) sehingga tertegaklah kerajaan yang seumpama itu, iaitu kerajaan Mataram. Fahaman ini adalah hasil daripada pengaruh Syiah. Bermula dari sinilah wujud semula berbagai-bagai rupa bentuk amalan kerohanian, wirid-wirid dan jampi serapah yang menyeleweng dari aqidah syari'at Ubudiah Islamiah yang sebenar ke hadrat Allah seperti yang dibentangkan oleh ulama-ulama terdahulu yang mahir dan ahli pada babnya di dalam kitab-kitab karangan mereka.

Terdapat juga dari golongan ini yang memesongkan amalan-amalan mereka bagi kepentingan diri, dengan tujuan :

1. Langkah mempertahankan diri bagi mendapatkan kemegahan dunia ( hanya kepada bangsa semata-mata )
2. Amalan-amalan kebatinan dalam menuntut kemegahan.
3. Perubatan ( bomoh, tok pawang, tok bidan dan sebagainya )
4. Berlagak jadi tok sufi ( wali ) yang sentiasa mendapat jazbah ketuhanan.

Dari sini merebaklah amalan -amalan karut yang mendapat kekuatan luar biasa daripada bantuan Jin-Jin. Maka ramailah pahlawan-pahlawan Melayu mengambil amalan-amalan ini dengan tujuan untuk mempertahankan diri sendiri dan untuk menewaskan musuh di samping untuk kepentingan masyarakat sekitarnya. Akhirnya mereka telah lupa kepada ajaran-ajaran agama yang telah disampaikan kepada mereka, lalu mereka lebih mementingkan kekuatan material dan kebendaan semata-mata daripada kepentingan akhirat. Lebih jahat lagi, mereka menjadikan adat resam keturunan ke dalam syariat agama Islam sebagai satu amalan yang dimestikan, walaupun terang-terang amalan itu menyalahi ajaran Islam, samada dari segi Fiqh, Akidah, dan Akhlak.

#### KEPERCAYAAN ORANG-ORANG MELAYU SEBELUM KEDATANGAN ISLAM

Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, anutan masyarakat Melayu pada ketika itu, boleh di bahagikan kepada tiga kumpulan agama yang terbesar iaitu :-

Orang-orang Asli sangat kuat berpegang kepada berbagai-bagai kaedah pemujaan Jin sehingga Tok-tok Batin orang Asli di ukur akan kehebatan diri mereka, dengan had ukuran panjang rambut di kepala mereka.

Percantuman 3 puak ini samada melalui nikah kahwin atau seumpamanya menghasilkan suatu kemantapan yang kukuh dalam adat resam dan istiadat kebudayaan orang Melayu, di samping membuahkan pelbagai rupa bentuk ilmu, amalan dan kaedah pemujaan dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu perkara yang luar biasa dan mencarik adat, berlumba-lumba untuk menjadi jaguh atau orang yang paling handal di kalangan mereka, untuk bermegah-megah, gagah, orang yang paling berkuasa, orang yang paling di hormati, di segani dan sebagainya. (Lihat carta amalan-amalan Khurafat )

Islam datang ke Asia Tenggara samada melalui Negeri China, Yaman, Parsi atau India dan bertapak kukuh sehingga lebih kurang 200 tahun sahaja. Selepas itu masuklah pula pengaruh agama Kristian melalui penjajahan kuasa-kuasa Barat. Manakala di dalam masyarakat Islam sendiri pula telah di pengaruhi oleh pengaruh-pengaruh Rafidiah, Kharijiah, Qadariah, Jabariah dan sebagainya sehingga menimbulkan berbagai-bagai kefahaman dan aliran dalam mempraktikan ajaran Islam. Keadaan ini menyebabkan sesetengahnya pula terjerumus kedalam gaung kesesatan berikut :

1. Bida'ah Dholalah yang Karohah dan Bida'ah yang haram dalam Syariat
2. Berada dalam salah satu daripada 72 puak yang sesat lagi menyesatkan dalam bab Aqidah.
3. Berada dalam salah satu daripada 13 puak yang sesat lagi menyesatkan dalam bab Sufi

Daripada pecahan di atas maka wujudlah berbagai-bagai kelompok masyarakat Melayu yang mempunyai fahaman dan amalan masing-masing . Dari situ lahirlah amalan-amalan yang di panggil amalan “Kebatinan ´ atau ” Ilmu Hakikat ” ( Ilmu Isi ) yang meninggalkan amal syariat sehinggakan sembahyang hanyalah dengan niat sahaja. Puak-puak yang sesat ini dapat di lihat menerusi amalan yang mereka lakukan dalam menunaikan ibadat kepada Allah.

Ringkasnya apa jua amalan yang tidak mengikut garis panduan Al-Quran, Hadis Rasullullah s.a.w, Ijma dan Qias adalah termasuk dalam salah satu daripada fahaman-fahaman yang sesat daripada tiga kelompok besar di atas.

Jenis Amalan Beragama Orang-Orang Melayu Sebelum Islam.

Pada dasarnya amalan beragama orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam bolehlah dibahagikan kepada tiga kepercayaan yang besar iaitu :-

1. Orang-orang Melayu yang beragama Buddha Puja Dewa
2. Orang-orang Melayu yang beragama Hindu Puja Dewi
3. Orang-orang Melayu yang berpegang dan beramal dengan amalan orang-orang Asli. ( Animisme )

Akibat dari ajaran dan pegangan mereka itu lahir dan wujudlah berbagai-bagai bentuk kebudayaan dan adat resam mengikut jenis agama dan kepercayaan yang mereka anuti. Kedatangan Islam ke Nusantara selepas itu telah berjaya membasmi kepercayaan karut dalam masyarakat Melayu pada ketika itu. Namun tidak semua masyarakat Melayu yang mahu meninggalkan kepercayaan mereka secara keseluruhan dan sehingga ke hari ini,

samping itu kepercayaan kepada benda-benda keramat seperti keris, kubur, pokok besar, batu dan sebagainya begitu kuat sehingga dapat di lihat sesetengah orang Melayu yang masih menjaga dan menyimpan dengan baik keris pesaka sejak turun temurun, yang dikatakan sebagai “Penjaga keluarga.”

Kepercayaan seperti ini ada hubungannya dengan asal-usul orang Melayu yang kebanyakannya berasal dari Kepulauan Indonesia yang memang terkenal pada suatu masa dahulu dengan adat dan kepercayaan Hindu serta Buddha. Walaupun Islam mula bertapak di Mataram, Majapahit dan seluruh Kepulauan Jawa namun sisa-sisa peninggalan Hindu dan Buddha masih kuat dalam pegangan mereka.

Di Semenanjung Malaysia sendiri terdapat berbagai keturunan seperti Melayu, Bugis, Mendiling, Rawa, Jawa, Banjar, Petani, Siam dan sebagainya dan terdapat juga yang berasal dari keturunan orang-orang Asli. Setelah memeluk Islam mereka telah membawa adat resam masing-masing di dalam agama Islam. Walaupun mereka berbeza dari segi suku keturunannya, namun mereka masih lagi tidak terlepas dari adat resam Hindu dan percampuran dengan adat dan amalan orang Asli.

Amalan-amalan kuno seperti puja tanduk lembu/kerbau, hantaran perkahwinan, sireh junjung, nasi tinggi, kelapa-garam-gula dan sebagainya, lenggang perut, kenduri 40/100 hari selepas kematian, sembelih ayam semasa buka gelanggang latihan pertahanan diri, sangkak/ancak untuk jamu Jin dan sebagainya adalah contoh amalan yang ada hubungan dengan pengaruh Hindu dalam adat resam orang-orang Melayu. Begitu juga adat resam, tingkah laku orang-orang asli sebelum Islam di ambil sebagai adat resam atau sebagai cara beragama yang mesti didahulukan, di tokok tambah lagi dengan redha dan lahapnya kita menerima membabi buta pengaruh kebudayaan penjajah yang memang merupakan suatu perancangan jangka panjang Yahudi dan Kristian khasnya untuk membunuh keperibadian muslim orang-orang Melayu yang berpegang teguh dengan agama Islam.

Sehingga kini amalan-amalan tersebut masih lagi hidup subur, walaupun telah berkali-kali seruan dakwah sampai kepada mereka supaya meninggalkan amalan tersebut, namun bagi sesetengah daripada mereka itu telah beranggapan bahawa adat-adat tersebut seolah-olah sebahagian daripada ajaran Islam yang mereka anuti. Maka dengan sebab itulah mereka telah mencampuradukkan antara ajaran Islam yang suci ini dengan adat resam yang karut lagi menyesatkan itu, yang semata-mata mengikut khayalan, kebijaksanaan pemikiran dan tahsinul ‘aqli mereka semata-mata sahaja..

### Perkara Luar Biasa Yang Mencarik Adat

Allah telah menganugerahkan kepada manusia khusus dan awam 8 perkara luar biasa yang mencarit adat yang boleh berlaku ke atas manusia. Perkara luar biasa itu bolehlah dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu, 4 perkara yang di puji dan 4 perkara yang di keji dan menyalahi ajaran Islam. Ramai daripada kalangan orang Islam sendiri yang terkeliru tentang konsep dan perbezaan perkara-perkara tersebut, kadang-kala masyarakat tidak dapat membezakan yang mana baik dan yang mana mesti di jauhi. Bagi menjelaskan kekeliruan itu maka diperturunkan serba ringkas tentang perkara-perkara tersebut, agar pembaca semua dapat membuat penilaian dengan sebaik-baiknya.

### Empat Perkara Yang Di Puji

#### 1. Irhas.

dan rasul tetap tiada pada masa sekarang.

## 2. Mukjizat.

Mukjizat ialah suatu perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah hanya kepada Nabi-Nabi dan rasulnya sahaja bagi melancarkan usaha rasul-rasul tersebut menyampaikan dakwah dan risalah Allah. Contohnya seperti Mukjizat Nabi Sulaiman yang boleh memahami bahasa semua binatang.

## 3. Karamah.

Karamah ialah suatu perkara luar biasa yang Allah kurniakan kepada orang-orang mukmin yang berakhlak rasul dan benar-benar berpegang dengan ajaran Islam zahir dan batin. Hal ini adalah perkara biasa bagi Mereka. Karamah merupakan suatu kemuliaan yang Allah kurniakan kepada diri zahir dan batin hamba-hambanya yang arif tentang Allah ( Arifbillah ) .

Mereka ini adalah merupakan orang-orang yang alim dan sentiasa beramal soleh. Mereka mahir sekurang-kurangnya tentang ilmu fardhu Ain, Usuluddin, Fekah dan tasauf serta mereka sentiasa beramal dengannya pada setiap masa dan kelakuan. Ikatan diri mereka sentiasa dengan Allah tanpa dapat dipengaruhi oleh alam sekeliling. Mereka dimuliakan oleh ahli di langit dan diperhinakan oleh kebanyakan ahli di bumi.

## 4. Maunah.

Maunah ialah perkara luar biasa yang Allah kurniakan kepada orang mukmin awam yang soleh, yang apabila di timpa sesuatu musibah atau hal ke atas dirinya, mereka terus melipat gandakan pergantungan dan keimanan kepada Allah serta memantapkannya melalui berbagai-bagai wirid, jampi dan doa serta amalan-amalan sunat yang lain.

Maunah ini merupakan satu kemuliaan yang Allah kurniakan kepada diri zahir dan batin hamba-hambanya yang soleh. Mereka arif tentang ilmu fardhu Ain, Usuluddin, Fekah dan tasauf tetapi kemampuan beramal mereka adalah terhad. Apabila berlaku sesuatu hal ke atas diri mereka samada mutlak dari Allah atau yang bersangkutan paut dengan manusia, mereka terus melipatgandakan pergantungan diri dan keimanan kepada Allah serta memantapkan lagi dengan berbagai-bagai wirid, jampi, doa dan segala amalan sunat. Mereka tidak merasa sedih atau kecewa sekiranya permintaan mereka tidak ditunaikan oleh Allah.

## Empat Perkara Yang Di Keji

Perkara luar biasa yang di keji oleh Allah ialah perkara luar biasa yang berlaku ke atas orang biasa melalui pertolongan selain daripada Allah. Contohnya melalui pertolongan khadam-khadam yang terdiri daripada Jin dan Syaitan dan sebagainya. Perkara luar biasa jenis ini mestilah di jauhi oleh setiap orang Islam kerana ianya sesat dan menyesatkan. Perkara-perkara tersebut ialah :-

### 1. Istidraj

Istidraj ialah perkara luar biasa yang Allah kurniakan kepada mereka yang berpura-pura beramal dengan amalan soleh, walaupun diri mereka mahir dengan fardhu ain, Usuluddin, fekah dan tasauf. Mereka berbangga dengan perkara luar biasa yang berlaku ke atas diri mereka sedangkan mereka mengetahui punca sebenar datangnya perkara luar biasa tersebut. Lazimnya golongan ini terikat dengan perjanjian serta

Setiap amalan wirid, jampi dan doa itu ada penjaganya (Khadam). Orang yang beramal dengan kaedah ini kebiasaannya mempunyai suatu perasaan tidak baik yang telah tersemat dalam diri mereka. Antara matlamat mereka ialah :-

- a) Ingin di puja. b) Ingin dikunjungi oleh orang ramai
- c) Cinta kepada pangkat dan kebesaran d) Ingin mendapatkan harta dan kuasa

Golongan khadam ayat dari golongan puak rohani alam rendah memang dijadikan Allah untuk menyukakan golongan yang seumpama itu dengan beberapa perkara luar biasa. Mereka

pada zahirnya kelihatan seperti orang yang beriman dan sentiasa menjaga syariat Islam serta berakhlak Rasul tetapi sebenarnya mereka beramal dengan perkara-perkara kufur dan telah terjun ke lembah kekufuran, samada mereka sedari atau tidak.

Punca kesesatan golongan ini ialah apabila rohani-rohani alam yang rendah mengunjungi mereka dalam tidur ataupun semasa jaga, dengan rupa atas nama-nama orang-orang soleh samada yang masih hidup ataupun yang telah mati atau mereka membuat Tajalli ketuhanan. Lazimnya mereka dibebankan dengan beberapa syarat yang menepati hukum syarak untuk diamalkan sebagai syarat perjanjian persahabatan dalam semua kelakuan melalui lidah, anggota dan hati, di semua tempat, waktu dan masa. Maka bermula di saat itu diri mereka berada di dalam Syirik Uluhiyyah dan segala rupa bentuk amalan syariatnya tidak ada nilai di sisi Allah.

Mereka sebenarnya mengetahui dari mana datangnya zahir perkara luar biasa pada perkataan, perbuatan dan kasad hati, tetapi mereka enggan meninggalkan amalan tersebut kerana mereka ingin menjadi jaguh dalam bidang perubatan dengan mengadakan beberapa keajaiban dari berbagai-bagai jenis ubatan, kaedah perubatan dan sebagainya. Kadang-kadang melalui langkah mempertahankan diri. Mereka juga terjebak dalam permainan tunjuk kuat kebatinan supaya mereka di anggap orang yang paling makbul doanya atau paling keramat. Jika dia seorang ulama, maka dia inginkan supaya di kunjungi, di puja dan di hormati sebagai seorang Ahlillah secara mutlak, sedangkan dalam masa yang sama dia akan terasa hina dan hilang kewibawaan sebagai ulama, jika tiada pada dirinya, nyata beberapa perkara yang luar biasa.

## 2. Sihir.

Sihir ialah perkara luar biasa yang Allah kurniakan kepada orang-rang Islam yang durhaka ('asi ) yang tidak faham aqidah, syariat dan ubudiah serta tidak beramal dengannya dan orang-orang yang fasik. Sihir juga diberikan oleh Allah kepada pendita-pendita bukan Islam samada Yahudi, Buddha, Nasrani, Majusi dan yang seumpama dengannya. Sihir ini terjadi melalui pertolongan daripada rohani Jin Islam yang fasik dan Jin-Jin yang kafir melalui perjanjian tertentu. Kebiasaannya golongan ini terikat dengan perjanjian dan mengadakan jamuan yang harus dan haram di sisi Syarak. Mereka mendapat perkara yang luar biasa ini adalah melalui pertolongan kumpulan Jin Islam yang fasik dan daripada Jin yang kafir.

Golongan orang Islam yang mendapat perkara luar biasa melalui kaedah ini selalunya sentiasa bergelumang dengan kejahatan dalam semua hal. Golongan ini sebenarnya Mulhid dan Zindik dalam bab aqidah. Selalunya mereka akan mengadakan berbagai cara atau

- a) Kumpulan Hassan Anak Harimau
- b) Wali Suci
- c) Budi (Buddha) Suci
- d) Batin Sakti
- e) Hakikat Insan
- f) Pati Geni
- g) Fahaman Wahdatul Ujud dalam l'itiqad
- h) Baginda Mukhtar
- i) Lain-lain kumpulan yang tumbuh bagaikan cendawan di negara ini.

### 3. Silap Mata.

Silap Mata adalah perkara luar biasa yang Allah kurniakan kepada orang-orang Islam yang fasik dan juga kepada orang-orang kafir, melalui pertolongan daripada Jin kafir. Oleh itu mereka juga terikat dengan perjanjian dan membuat perkara-perkara yang diharamkan oleh hukum syarak.

### 4. Sya'wazah.

Sya'wazah ialah perkara yang di kurniakan oleh Allah, yang berlawanan sama sekali daripada kehendak asal. Kebiasaannya perkara ini Allah berikan kepada golongan yang angkuh daripada orang-orang kafir. Misalnya apabila mereka meminta sesuatu yang baik, tetapi Allah kurniakan dengan sesuatu kejahatan yang berlipat ganda.

## BALA TENTERA ALLAH.

Allah mempunyai bala tenteraNya yang tersendiri yang terdiri daripada sekalian makhluknya samada daripada manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang-binatang di lautan, daratan dan yang seumpama dengannya seperti angin, api dan segala carkawala di angkasa raya. Bala tentera Allah tersebut terbahagi kepada beberapa kumpulan yang akan diperintahkan oleh Allah untuk membantu manusia apabila dikehendakiNya.

Antara bala tentera Allah tersebut adalah terdiri daripada :-

#### A. Bala Tentera alam atas yang terdiri daripada seluruh malaikat alam tinggi.

Bala tentera ini apabila diperintahkan oleh Allah untuk menolong para nabi dan rasul-rasul, maka pertolongan yang menzahirkan perkara yang luar biasa itu akan dinamakan sebagai Mukjizat. Manakala pertolongan yang menzahirkan perkara luar biasa yang terjadi kepada nabi dan rasul semasa kecil pula, dinamakan sebagai Irsad. Bentuk pertolongan tersebut samada melalui lidah, anggota, kasad hati atau melalui ketiga-tiga bentuk tersebut secara sekali gus.

Jika mereka menjadi penolong kepada ulama-ulama dan orang-orang soleh yang arif billah ( iman, syariat dan akhlak mereka menepati sebagaimana iman, syariat rasul zahir dan batin ) maka pertolongan tersebut dinamakan sebagai Keramat.

Perkara luar biasa yang berlaku kepada ulama-ulama dan orang-orang saleh yang apabila, mereka di timpa bala dan musibah, maka mereka melipat gandakan ubudiah dan

## Dr. Bala tentera Allah Alam Rendah

Bala tentera Allah alam rendah pula adalah terdiri daripada sekelian rohani jin-jin Islam yang soleh dan jin-jin Islam yang fasik dan kafir serta semua manusia dan makhluk Allah yang lain yang menghuni alam ini, seperti haiwan, tumbuhan, angin, batu dan sebagainya

Manakala rohani Jin Islam yang alim dan soleh daripada alam rendah yang apabila diperintah oleh Allah datang memberi pertolongan kepada manusia yang alim dan soleh yang wujud dalam diri mereka itu sifat-sifat mazmumah, maka pertolongan tersebut dinamakan sebagai Istidraj. Perkara luar biasa tersebut dinamakan sebagai istidraj kerana rohani jin Islam yang soleh tersebut akan mengenakan beberapa syarat yang menepati hukum syarak sebelum memberi pertolongan tersebut.

Jika rohani jin Islam yang fasik atau jin kafir diarah memberi pertolongan kepada manusia Islam yang fasik atau manusia yang pura-pura beriman atau yang seumpama dengannya pula dinamakan sebagai sihir atau silap mata, kerana mereka mengenakan beberapa syarat yang harus pada hukum syarak.

Jika jin -jin yang kafir atau anak keturunannya diperintahkan memberi pertolongan kepada manusia yang kafir yang terdiri daripada rahib-rahib, padri-padri, sami-sami atau yang seumpama dengannya, maka pertolongan tersebut dinamakan sebagai silap mata atau sihir peringkat tinggi, kerana mereka mengenakan syarat-syarat yang haram pada hukum syarak.

## JIN

### Makna Jin.

Jin adalah satu nama jenis dan dalam bahasa Inggeris di sebut Ginie - perkataan tunggalnya " Jinny " yang bermaksud yang tersembunyi, yang tertutup atau yang gelap pekat.

Dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menceritakan tentang Jin. Antaranya :-

#### 1. Surah Al-Hijr ayat 26 - 27 :

Yang bermaksud : Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari tanah liat yang kering kontang yang berasal dari lumpur hitam yang di beri bentuk dan Kami telah ciptakan Jin sebelum di ciptakan manusia daripada api yang sangat panas.

#### 2. Surah Ar-Rahman ayat 15 :

Yang bermaksud : Dia ( Allah ) menciptakan Jann ( Jin ) dari nyalaan api ( Pucuk api yang menyala-nyala atau Maarij )

#### 3. Surah Al-'Araf ayat 12 :

Yang bermaksud : " Engkau ciptakan aku ( kata Iblis ) dari api sedangkan ciptakan dia ( Adam ) dari tanah.



sedangkan Adam diperkakan dari sesuatu yang telah disemburkan kepada Kain (tanah).

### Asal Kejadian Jin.

#### Keterangan “Al-Maarij ”

Maarij bermaksud nyalaan api yang sangat kuat dan sangat panas bahangnya atau ” Al-Lahab ” iaitu jilatan api yang sudah bercampur antara satu sama lain iaitu merah, hitam, kuning dan biru. Sesetengah ulama pula mengatakan ” Al-Maarij ” itu ialah api yang sangat terang yang memiliki suhu yang amat tinggi sehingga bercampur antara merah, hitam, kuning dan biru.

Sesetengah pendapat pula mengatakan Al-Maarij itu ialah api yang bercampur warnanya dan sama maknanya dengan ” As-Samuun ” iaitu api yang tidak berasap tetapi sangat tinggi suhu panasnya. Angin samuun yang telah sebatu dengan Al-Maarij itulah Allah jadikan Jaan.

Menurut suatu Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas’ud pula menyatakan bahawa angin Samuun yang dijadikan Jaan itu hanyalah satu bahagian daripada tujuh puluh bahagian angin Samuun yang sangat panas itu.

Dari api yang amat panas inilah Allah telah menciptakan Jin, iaitu dari sel atau atom atau daripada nukleus-nukleus api. Kemudian Allah masukkan roh atau nyawa padanya, maka jadilah ia hidup seperti yang dikehendaki oleh Allah. Jin juga di beri izin oleh Allah menzahirkan berbagai-bagai bentuk dan rupa yang disukai dan dikehendakinya kecuali rupa Rasulullah s.a.w mengikut tahap dan kemampuan masing-masing. Jin juga diperintahkan oleh Allah menerima syariat Islam sepertimana yang diperintahkan oleh Allah kepada manusia. Rupa bentuk Jin yang asal selepas di cipta dan ditiupkan roh itu, hanya Allah dan Rasulnya sahaja yang mengetahuinya. Menurut sesetengah ulama rupa, tabiat, kelakuan dan perangai Jin adalah 90 peratus mirip kepada manusia.

Asal kejadian manusia ialah campuran daripada Jisim Kathif iaitu tanah dan air, Jisim Syafaf iaitu campuran api dan angin dan Nurani, iaitu roh, akal, nafsu dan hati yang dinamakan “Latifatur-Rabbaniyah ” sesuai dengan manusia sebagai sebaik-baik kejadian yang diciptakan Allah dan sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini. Manakala kejadian Jin pula ialah campuran Jisim Syafaf iaitu campuran api dan angin dan Nurani iaitu roh, akal, nafsu dan hati yang sesuai dan sepadan dengan kejadian Jin. Manakala makhluk-makhluk lain pula Allah jadikan daripada salah satu unsur tersebut, contohnya, binatang yang dijadikan daripada campuran Jisim Kasyif dan Jisim Syafaf sahaja. Batu dan tumbuh-tumbuhan pula dijadikan daripada Jisim Kasyif semata-mata. Manakala Malaikat pula dijadikan daripada Nurani semata-mata.

### Cara pembiakan Jin.

Manusia memerlukan masa mengandung selama sembilan bulan untuk melahirkan zuriat dan anak manusia juga memerlukan masa yang lama untuk matang dan menjadi baligh. Berbeza dengan Jin di mana, apabila di sentuh alat kelamin lelaki dengan alat kelamin perempuan, maka Jin perempuan akan terus mengandung dan beranak dan anak Jin

yang baru lahir itu terus mukallaf. Begitulah keadaanya sehingga ke hari kiamat. Iblis pula apabila menyentuh paha kanan dengan paha kiri akan mengeluarkan 33 biji telur. Dalam setiap biji telur itu ada 33 pasang benihnya. Tiap-tiap pasang benih itu

Bunian atau KEBIN MASJID adalah kalangan orang-orang metaya dengan panggilan orang Ghaib pula ialah hasil campuran lelaki atau perempuan Jin dengan lelaki atau perempuan dari kalangan manusia. Anak yang terhasil daripada percampuran itu dikenali dengan nama Bunian. Perangai dan tingkah laku serta rupa bentuknya orang Bunian ini dalam beberapa perkara mengikut manusia dan dalam beberapa perkara pula mengikut Jin.

Jika asal usul datuk manusia ialah Nabi Adam, maka asal usul datuk Jin pula ialah "Jaan" yang asalnya adalah beriman kepada Allah dan melahirkan keturunan yang beriman. Selepas itu terdapat pula dari keturunan Jaan yang kufur dan melahirkan pula keturunan yang kufur. Anak cucu Jaan yang asal beriman itu ada yang kekal dalam iman dan ada pula yang kufur dan ada pula yang kembali beriman kepada Allah.

Agama puak-puak Jin.

Jin Juga seperti manusia, iaitu ada yang baik, ada yang jahat, ada yang soleh, ada yang tidak soleh, ada yang alim lagi mukmin, ada ada yang kufur, ada yang murtad, fasik dan zalim, ada yang masuk syurga dan ada yang dihumbankan oleh Allah ke dalam neraka di hari akhirat kelak.

Majoriti puak-puak Jin terdiri daripada golongan Jin kafir. Golongan Jin kafir ini kebanyakannya beragama Yahudi, Kristian, Komunis dan sangat sedikit daripada mereka yang beragama Buddha dan Majusi. Terdapat juga golongan Jin yang tidak beragama. Golongan Jin yang memeluk Islam hanyalah sedikit bilangannya dan terdiri daripada golongan minoriti jika di dibandingkan dengan keseluruhan bilangan Jin.

Seperti juga manusia biasa, Jin juga berada dalam tingkat-tingkat iman, ilmu dan amalan yang tertentu berdasarkan kepada keimanan dan amalan mereka kepada Allah. Antaranya ada Jin Islam yang bertaraf awam sahaja, Jin Islam yang di tingkat iman Khawas dan Jin Islam yang berada ditingkat iman yang Khawasil-Khawas.

Walaupun Jin Islam yang paling tinggi imannya dan paling soleh amalannya serta paling luas serta banyak ilmunya, tetapi masih ada pada diri mereka sifat-sifat mazmumah seperti takbur, riak, ujub dan sebagainya, tetapi mereka mudah menerima teguran dan pengajaran. Mungkin inilah yang sering diperkatakan bahawa "sebaik-baik Jin itu ialah sejahat-jahat manusia yang fasik." Tetapi yang berbezanya manusia yang paling jahat susah menerima pengajaran dan teguran yang baik.

Golongan Jin Islam yang awam dan Jin kafir suka merasuk manusia yang awam dengan berbagai-bagai cara, kerana pada pandangan mereka manusia-manusia yang awam itu bukanlah manusia sebenarnya, sebaliknya adalah rupa seekor binatang. Manusia yang Khawas dan Khawasil-Khawas tidak dapat di rasuk oleh Jin, bahkan Jin pula akan datang kepada mereka untuk bersahabat.

Rupa Bentuk Jin.

Pada asasnya rupa bentuk Jin tidaklah banyak berbeza daripada rupa bentuk manusia, iaitu mereka mempunyai jantina, mempunyai hidung mata, tangan, kaki, telinga dan sebagainya, sepertimana yang di miliki oleh manusia. Pada dasarnya 80 hingga ke 90 peratus Jin menyerupai manusia. Cuma yang berbezanya fizikal Jin adalah lebih kecil dan halus daripada manusia. Bentuk tubuh mereka itu ada yang pendek, ada yang terlalu tinggi dan ada bermacam-macam warna, iaitu putih, merah biru, hitam dan sebagainya. Jin yang kekal dalam keadaan kafir dan Jin Islam yang fasik itu mempunyai

menurut sesetengah pendapat anggron yang sebenarnya adalah kira-kira tiga hasta sahaja. Pengetahuan mereka lebih luas dan umurnya tersangat panjang dan ada yang beribu tahun umurnya. Kecepatan Jin bergerak adalah melebihi gerak cahaya dalam satu saat. Memandangkan Jin adalah terdiri daripada makhluk yang seni dan tersembunyi, tidak zahir seperti manusia dan tidak sepenuhnya ghaib seperti Malaikat, maka ruang yang kecil pun boleh di duduki oleh berjuta-juta Jin dan ianya juga boleh memasuki dan menghuni tubuh badan manusia.

Jumlah Jin terlalu ramai sehingga menurut sesetengah pendapat bilangannya ialah jumlah semua manusia daripada Nabi Adam hingga ke hari kiamat di darab dengan haiwan-haiwan, di darab dengan batu-batu, di darab dengan pasir-pasir dan semua tumbuh-tumbuhan. Itu pun baru satu persepuluh daripada jumlah keseluruhan Jin. Manakala jumlah keseluruhan Jin ialah satu persepuluh daripada jumlah keseluruhan Malaikat. Jumlah keseluruhan Malaikat hanya Allah dan Rasulnya sahaja yang lebih mengetahuinya.

Alam kediaman Jin ialah di lautan, daratan, di udara dan di Alam Mithal iaitu suatu alam di antara alam manusia dan alam malaikat. Jika di berikan oleh Allah kepada kita melihat Jin, sudah tentulah kita akan melihat jarum yang dijatuhkan dari atas tidak akan jatuh ke bumi, tetapi hanya jatuh di atas belakang Jin, disebabkan terlalu banyaknya jumlah mereka.

Sebab itulah orang-orang tua kita selalu berpesan supaya anak-anak segera balik ke rumah apabila telah tiba waktu maghrib dan pintu serta tingkap rumah mesti di tutup, supaya tidak dimasuki oleh Syaitan dan Iblis. Sebagaimana sebuah Hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Rasulullah s.a.w yang bermaksud : " Apabila kamu menghadapi malam atau kamu telah berada di sebahagian malam maka tahanlah anak-anak mu kerana sesungguhnya syaitan berkeliaran ketika itu dan apabila berlalu sesuatu ketika malam maka tahanlah mereka dan tutuplah pintu-pintu rumahmu serta sebutlah nama Allah, padamkan lampu-lampu mu serta sebutlah nama Allah, ikatlah minuman mu serta sebutlah nama Allah dan tutuplah sisa makanan mu serta sebutlah nama Allah ( ketika menutupnya ) "

Hadis di atas bermaksud bahawa Jin dan Syaitan akan tidur di waktu siang dalam cahaya dan sinar sehingga menjelang petang, di mana pada waktu itu mereka berkeliaran mencari rezeki dan makanan, baik lelaki maupun perempuan, samada yang dewasa atau kanak-kanak.

Melihat Jin.

Pada prinsipnya Jin tidak boleh di lihat, di sentuh dan di dengar oleh manusia dalam bentuk yang asal sebagaimana ianya diciptakan, kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu, Jin boleh di lihat dalam rupa bentuk yang diingini. Jin juga boleh di lihat oleh manusia dalam keadaan sihir atau ketika meminum air sihir atau melalui kemahuan Jin itu sendiri untuk memperlihatkan dirinya kepada manusia.

Di dunia semua Jin boleh melihat manusia manakala manusia yang Khawas dan Khawasil-Khawas sahaja yang boleh melihat Jin selain daripada para Nabi dan Rasul. Manakala di akhirat pula semua manusia mukmin yang ahli syurga boleh melihat Jin manakala Jin yang Khawas dan Khawasil-Khawas sahaja yang boleh melihat manusia.

Antara kelebihan Jin yang telah diberikan oleh Allah ialah kemampuannya untuk mengubah dirinya dalam berbagai bentuk dan rupa. Contohnya dalam peperangan Badar,

golongan Jin ).

Dalam Sahih Bukhari juga ada meriwayatkan bahawa adanya Jin yang menampakkan dirinya dalam bentuk seekor ular dan membunuh seorang pemuda yang cuba membunuh ular

tersebut. Di samping itu Jin juga boleh menampakkan dirinya dalam rupa bentuk haiwan yang lain seperti rupa bentuk kucing, anjing dan sebagainya.

Kumpulan-kumpulan Jin.

Jin juga seperti manusia yang inginkan keturunan dan hidup berpuak-puak. Puak dan kumpulan Jin terlalu banyak dan bercakap dalam berbagai-bagai loghat dan bahasa. Ada sesetengah ulama membahagikan Jin kepada beberapa kumpulan, antaranya kumpulan yang menunggu kubur, kumpulan yang menunggu gua, kumpulan yang menunggu mayat manusia, kumpulan yang menunggu hutan rimba, kumpulan yang menunggu bukit bukau, kumpulan yang menunggu air mata air, kumpulan yang menunggu tasik, kolam, teluk, kuala, pulau dan sebagainya.

Jenis-jenis Jin

Sama seperti manusia Jin juga terdiri dari pada berbagai jenis atau bangsa, antara yang tersohor ialah :-

1. Iblis Bapa dan pujaan kepada semua jenis Jin, Iblis dan Syaitan..
2. Asy-Syaitan Syaitan-syaitan
3. Al-Maraddah Peragu-peragu ( pewartas-was )
4. Al-Afrit Penipu-penipu
5. Al-A'waan Pelayan-pelayan
6. Al-Tayyaaruun Penerbang-penerbang
7. Al-Ghawwaasuun Penyelam-penyelam
8. At-Tawaabi Pengikut-pengikut ( pengekor )
9. Al-Qurana Pengawan-pengawan
10. Al-Ummaar Pemakmur.

Gelaran-gelaran Jin dalam istilah orang-orang Melayu.

Jin menurut orang-orang Melayu mempunyai beberapa nama dan gelaran menurut perwatakan dan rupa bentuk penjelmaan mereka. Kebanyakan nama Jin-Jin itu dimulai dengan hantu. Hantu-hantu tersebut sebenarnya adalah terdiri daripada golongan Jin, cuma di kalangan orang Melayu, menganggap hantu itu adalah makhluk yang berbeza daripada Jin. Antara Jin-Jin yang popular di kalangan orang-orang Melayu ialah :-

- a. Hantu Raya j. Hantu Pontianak s. Hantu Polong
- b. Hantu Toyol k. Hantu Langsuir t. Hantu Penanggal
- c. Hantu Pelesit l. Hantu Air u. Hantu Bukit
- d. Hantu Kubur m. Hantu Pari v. Hantu Punjut
- e. Hantu Jerangkung n. Hantu Laut w. Hantu Bawah Tangga
- f. Hantu Galah o. Jin Tanah x. Hantu Kum-Kum
- g. Hantu Bungkus p. Hantu Pocong y. Hantu mati di bunuh
- h. Hantu Bidai q. Hantu pari-pari z. Hantu Kopek ( Tetek )
- i. Harimau Jadian r. Jembalang Tanah zz. Hantu Tengelong

Baran yang kurni latan seperti Mazhar, Marhan, Amhar, Bar Khan, Syamharash, Zabar an dan Maimon. Empat raja Jin Ifrit ( Jin yang paling jahat ) yang mempunyai kerajaan yang besar yang menjadi menteri kepada Nabi Allah Sulaiman a.s ialah Thamrith, Munaliq, Hadlabaaajin dan Shughal. Manakala Raja Jin Alam atas yang Islam pula ialah Rukiyaail, Jibriyaail, Samsamaail, Mikiyaail, Sarifiyaail, 'Ainyaail dan Kasfiyaail. Raja Jin yang mengusai kesemua Jin tersebut bernama THOTHAMGHI YAM YA LI.. Manakala Malaikat yang mengawal kesemua Jin-Jin di atas bernama Maithotorun yang bergelar QUTBUL JALALAH.

Anak-anak Iblis juga mempunyai kerajaan yang besar antaranya :-

1. Thubar Merasuk manusia yang di timpa musibah dan bala
2. Daasim Merasuk manusia untuk menceraikan ikatan silatulrahim, rumah tangga, keluarga, sahabat handai, jemaah dan sebagainya.
3. Al-'Awar Merasuk manusia supaya meruntuhkan akhlak, berzina, minum arak, liwat, berjudi dan sebagainya
4. Zalanbuur Merasuk manusia dengan api permusuhan dan pembunuhan.

Antara Jin, Ifrit dan Syaitan serta Iblis.

Jin, Ifrit, Syaitan dan Iblis adalah merupakan sebahagian daripada golongan Jin, cuma tugas dan fungsi mereka sahaja yang berbeza. Jin sebagaimana yang telah diterangkan di atas ialah sejenis makhluk Allah yang tersembunyi dan tidak kelihatan oleh manusia. Pengetahuan mereka lebih luas dan sangat panjang usianya. Manakala Ifrit pula adalah daripada golongan Jin yang sangat kuat dan bijak menipu serta sangat busuk hati terhadap manusia. Golongan ini tersangat sombong lagi amat durhaka kepada Allah.

Iblis dan Syaitan juga terdiri daripada golongan Jin dan mereka merupakan golongan Jin yang sangat sombong lagi durhaka, pengacau dan menjadi musuh utama manusia dan mendapat kutukan Allah sehingga ke hari kiamat. Sebagaimana Firman Allah yang bermaksud :

” Iblis menjawab : Sebab engkau telah menghukum saya dengan tersesat, saya akan menghalang halangi mereka dari jalan Mu yang lurus. Kemudian saya akan mendatangi mereka dari depan dan dari belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka. Engkau tak akan mendapati kebanyakan dari mereka bersyukur ( taat ).”

Sesetengah ulama berpendapat bahawa Azazil itu bukanlah moyang Jin, sebenarnya beliau merupakan satu Jin yang paling abid dan alim di kalangan Jin yang di angkat menjadi ketua ahli-ahli ibadat kepada Jin dan Malaikat. Dia menjadi angkuh dan takbur di atas keilmuan, ketakwaan dan banyak beribadat serta asal usul kejadiannya berbanding dengan manusia ( Adam ). Maka dengan sifat beliau yang sombong itu Allah telah melaknatnya menjadi kafir dengan nama Iblis.

Bermula dari saat itulah Iblis melancarkan gerakan permusuhan dengan manusia sehingga ke hari kiamat. Allah telah menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis permusuhan dilakukan oleh Jin ke atas manusia iaitu :-

1. Melalui Kejahatan ( As-Suu' ) : iaitu berkenan dan gemar kepada dosa-dosa dan maksiat hati dan segala anggota tubuh badan.
2. Kekejian ( Al-Fahsyaa' ) : iaitu kejahatan yang lebih buruk dan jahat lagi. Kekejian ini adalah sebahagian daripada perkara yang membawa kepada kedurhakaan dan

### Bersahabat dengan Jin.

Ramai di kalangan orang-orang Melayu yang bersahabat dan menjadikan Jin sebagai pembantu dan Khadam mereka dalam membantu mereka melaksanakan tugas-tugas yang tertentu. Contohnya seperti Tok Bomoh, Tok Pawang, Tok Dukun, Tok Mudim, Mak Bidan, Mak Andam, Tukang Urut, Panglima, Hulubalang, Tok Guru latihan pertahanan diri dan sebagainya. Walaupun begitu tidak semua golongan di atas yang menggunakan Jin dalam kerja-kerja harian mereka. Tidak dinafikan terdapat juga golongan tersebut yang benar-benar mempunyai kemahiran semulajadi tanpa pertolongan dari Jin.

Menurut Sheikh Abdul Wahhab Asy-Sya'rani dalam kitabnya Yawaqitu Wal Jawahir, bahawa bersahabat dan bersekedudukan dengan Jin itu sangat keji. Katanya lagi " Barang siapa memilih dan melebihkan sekedudukan dengan Jin daripada bersekedudukan dengan ulama, maka orang itu sangat jahil. Kerana yang lebih biasa bagi Jin itu adalah perbuatannya dan perkataannya berlebih-lebihan dan dusta jua seperti kelakuan manusia yang fasik. Maka orang yang berakal lari ia daripada bersahabat dan bersekedudukan dengan Jin, seperti larinya daripada bersahabat dan bersekedudukan dengan manusia yang fasik."

Tambahnya lagi : " Tidak sekali-kali aku melihat seseorang yang bersekedudukan dengan Jin itu beroleh kebajikan kerana asal kejadian Jin itu adalah daripada api dan api itu sangat banyak gerakannya. Dengan banyak gerak itu datanglah berlebih-lebihan perbuatan dan perkataan orang itu.

Syeikh Muhyuddin Arabi dalam kitabnya Futuhat pula menjelaskan : " Adalah orang yang bersekedudukan ( bersahabat ) dengan Jin itu tidak beroleh ilmu kerana Allah. Kerana Jin itu sangat jahil akan Allah dan sifat-sifatNya.

Kadang-kadang orang yang bersahabat dengan Jin itu menyangka semua perkara yang dikhabarkan dan di beritahu oleh Jin itu adalah daripada perkara yang berlaku di dalam alam itu adalah Karamah daripada Allah Taala. Sebenarnya sangkaan mereka tersebut adalah tidak benar sama sekali. Kerana segala pemberian Jin kepada manusia tentang khasiat tumbuh-tumbuhan, khasiat batu permata, akar kayu dan segala khasiat Isim dan huruf itu adalah merupakan salah satu bidang dalam ilmu Kimia semata-mata yang juga boleh di pelajari dan diketahui oleh manusia.

Kata Syeikh Muhyuddi Arabi lagi : " Sesungguhnya ramai orang yang bersahabat dengan Jin akan menjadi takbur dan sombong dengan kelebihan yang dimilikinya itu. Sifat takbur merupakan salah satu sifat yang paling di murkai oleh Allah dan akan dimasukkan ke dalam Neraka seperti yang telah dinyatakan oleh Allah dalam Al-Quran dan Hadis RasulNya.

Ringkasnya kita sebagai seorang Islam di tegah daripada bersahabat dan bersekedudukan dengan para Jin samada Islam maupun Jin kafir kerana keburukannya lebih banyak jika dibandingkan dengan kebaikan yang akan kita perolehi. Jin akan sentiasa merasuk dan mendorong manusia supaya melakukan kejahatan dan maksiat tanpa kita sedari.

Masuknya Jin Kedalam Tubuh Manusia.

Jin boleh merasuk dan masuk ke dalam diri manusia dengan berbagai-bagai cara dan manusia yang menggunakan khidmat Jin untuk melakukan pengkhianatan kepada manusia lain pun melalui berbagai cara. Sebagaimana sebuah Hadis Rasulullah s.a.w yang telah diriwayatkan oleh Sayidah Syafiyah binti Huyay , bahawa Rasulullah pernah

Dari hidung di atas jembatan hidung Jin dapat masuk ke dalam tubuh badan manusia dan terus sampai ke urat nadi dan darah manusia. Jin dapat berjalan dalam tubuh manusia seperti arus elektrik mengalir dalam kabel penyalurnya. Jin juga dapat menguasai manusia sehingga ia dapat menimbulkan perkelahian sesama manusia, manusia kehilangan ingatan, hilang daya kemahuan dan kesedaran dan lain-lain lagi.

Jin boleh memasuki badan manusia samada di pinta sendiri oleh manusia atau tanpa di sedari oleh manusia itu sendiri. Jin mendampingi dan memasuki manusia melalui salah satu cara yang berikut. Antaranya

1. Melalui Khadam atau manusia itu sendiri menjadikan Jin sebagai sahabatnya.
2. Melalui " saka Baka "
3. Melalui Sihir yang di lakukan oleh manusia lain ke atasnya.
4. Kerana manusia itu sendiri lalai dari mengingati Allah atau melakukan perkara perkara yang di larang oleh Allah, bererti mendekatkan diri untuk di kuasai oleh Jin dan Iffrit.
5. Melakukan kejahatan terhadap Jin tertentu seperti menjatuhkan sesuatu benda berat di sesuatu tempat yang ada Jin, tanpa menyebut nama Allah sehingga menyebabkan kematian anak Jin,
6. Kerana adanya Jin lelaki yang jatuh cinta kepada seorang perempuan yang suka bersolek atau wanita-wanita yang suka keluar rumah untuk memperlihatkan kecantikannya dan tidak memakai tudung serta suka mendedahkan aurat.
7. Melalui pengamalan jampi serapah, doa dan ayat-ayat tertentu yang boleh mendatangkan Jin .

Apabila telah memasuki badan manusia, walau dengan apa cara sekali pun Jin tersebut akan mendiami salah satu tempat berikut di anggota tubuh badan manusia. ( walaupun mereka bebas bergerak-gerak dalam badan manusia ) Antara tempat-tempat tersebut ialah :-

1. Mereka berkumpul di mata kanan dan kiri. Sebab itulah jika seseorang itu membela atau telah dimasuki Jin dalam badan mereka, mereka tidak berani bertentang mata dengan orang lain.
2. Berada di telinga kanan dan kiri, dengan itu manusia yang telah terasuk Jin tidak suka mendengar nasihat dan teguran yang baik serta amat suka mendengar perkara-perkara maksiat seperti muzik yang melalaikan dan sebagainya.
3. Berada di mulut manusia, dengan itu manusia yang telah di masuki Jin amat suka bercakap benda-benda yang tidak berfaedah

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *batunering* says:  
05/02/2009 at 3:52 pm

salam ustaz...secara teorinya tidak ada masalah dengan tarbiah dan siasah..kedua-duanya boleh berjalan seiringan...namun praktikalnya memang agak mencabar namun ia tetap fitrah malah sunatullah-nasihat-menasihati dan berkerajaan...merujuk kepada konsert Ella di Selangor itu..keadaan akan jadi lebih mudah jika Pas ada kuasa mutlak iaitu menduduki Putrajaya.Garis panduan baru boleh digubal untuk artis sekiranya Kementerian penerangan sudah ditakluki. Buat masa ini,bleh juga dicuba saranan ustaz untuk'memanggil' artis-artis ini dan berikan projek-projek yang munasabah kepada mereka.

*ashraff says:*

06/02/2009 at 1:08 pm

salam

i like ur brain ustadz

tq

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *ashraff says:*

03/05/2009 at 9:14 am

Assalamu'alaikum. maaf mungkin tak masuk dalam topik. tapi nak tanay sini, kenapa aad juga komen yang kutuk Dr. MAZA? pastu nampak macam Ustaz ada pengikut lain, Dr. MAZA pulak ada grup lain? pastu macam tak ngam kepala pula? memang angin dua dua tak ngam ke? sorang angin lintang... sorang angin kus kus? sebab dua dua saya baca...dua dua saya suka..

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

- *chemek says:*

08/07/2008 at 8:14 pm

antara khidmat sosial yg dilakukan - unit amal perak <http://unitamal.multiply.com/>

missing girl found - <http://kickdefella.wordpress.com/2008/04/18/siti-nur-azreen-has-returned/>

kebajikan rakyat kelantan - <http://chemekmolek.wordpress.com/2008/03/06/terus-memperjuangkan-kebajikan-rakyat/>

<http://chemekmolek.wordpress.com/2008/03/page/2/>

[Respond to this comment \[with empathy\]](#)

[Reply](#)

## Leave a Reply

Your name:  Required

Email address:  Required

Site URL:

Your comment:



## • Our Sponsors



## • Search Saifulislam.Com

## • RSSMy Twitter Update

### Hasrizal Abdul Jamil

- Memberi Akhirnya Kepada Diri - <http://saifulislam.com/?p=7340> 09:34:44 PM January 01, 2010 from web
- Resepi Lawan Menjadi Kawan - <http://saifulislam.com/?p=7325> 01:27:10 PM December 30, 2009 from web
- Lebih Sabar Daripada Gunung - <http://saifulislam.com/?p=7317> 09:39:12 AM December 28, 2009 from web

• [Dapatkan Buku Percuma Di Sini!](#)

•  skimberkat-lzs-e



•



bukuonline2u.blogspot.com

 Kaedah Jibril

 ClearanceSale

 tudunglabuh lycra



 fc\_banner2\_2

 msq-cutisekolah

 sio\_banner



 simplisitibanner

 aniscoklat

 TheAbayaSouqBanner5

 ALL2




[Click to join saifulislam](#)

## • Sumbangsama



[Ingin berkongsi usaha menggerakkan server Saifulislam.Com? Perkongsian anda kami dahulukan dengan ucapan jazakumullaahu khair al-jazaa'](#)





- - [ipta ipts grove com](#)
  - [saifulislam](#)
  - [motivasi semangat orang hebat amin idris](#)
  - [saiful islam blog](#)
  - [slaid ceramah motivasi](#)

## • Top Commentators

- [Abu Saif](#)
- [ummusaif](#)
- [aman](#)
- [Amin007](#)
- [hasanhusaini](#)
- [abuyon](#)
- [sinar](#)
- [iskandar](#)
- [pali](#)
- [Guru Tajwid](#)

## • Get Recent Comments

- [Aku Mampu Mengubahnya \(112\)](#)
  - [Lenny](#): ustaz, i give you tips. Makan beras perang. Saya makan beras...
- [Jadilah Manusia Hebat \(50\)](#)
  - [Lenny](#): @atif, Dear Atif, apa yang Atif cakap tu betul juga. Tapi kalau...
  - [badrul aini sha'ari](#): @Abu Saif, salam perjuangan 0; ana juga pernah...
- [Tragedi Emosi Krismas \(44\)](#)
  - [Lenny](#): Subhanallah..
- [Niat Hitam Niat Putih Antara Dua Agama \(33\)](#)

- [Zaini Monamad](#): Saya teringat nasihat mentor saya. Tuan-tuan dalam...
- [suha](#): salam, patut la macam pernah nampak, ex-KMPH, kecilkan...
- [Memberi Menambah Kelebihan Diri \(33\)](#)
  - [hasanhusaini](#): Semalam ana sempat berborak dengan Us Ridzuan KhalinR...
  - [hasanhusaini](#): Semalam ana sempat berborak dengan Us Ridzuan KahlinR...
  - [keliru](#): salam, terima kasih banyak2 kat ustaz atas pencerahan kali ini.....
  - [Kamarul](#): Thanks ustaz atas peringatan ini.. Saya pernah di hinggapi rasa...
  - [Haan](#): Aik.. ustaz tukar tajuk ek.. Anyway.. thanks ustaz... entry...
- [Si Polis Cinta \(62\)](#)
  - [life](#): assalamualaikum ..ustaz.. sy nak tnyer.. mcm mana kalu kiter...
- [Bertemu di MHI TV3 Sempena Maal Hijrah \(54\)](#)
  - [Puterikalimah4](#): Penyampaian ustaz sungguh ringkas dan padat sekali....
- [Teori Evolusi Cinta \(141\)](#)
  - [syauqah wardah](#): @syauqah\_wardah , yang ayat “dgn itu kita...
  - [syauqah wardah](#): @musafirlalu, salam alaik... ana ada satu cite yg...
  - [musafirlalu](#): @shoutul islam, shukran dengan nasihat yang sudi dikongsi....
- [Meneladani Peristiwa Pertukaran Qiblat \(14\)](#)
  - [ummu hanim](#): alhmdulillh, ilmu yg bermanfaat n meningtkn pngetahuan.s...
- [Kenapa Mahu Menjadi Doktor? \(287\)](#)
  - [Hafiz Lidin](#): @Azrul, ya, setiap orang ada definisi kejayaan masing-mas...

## • Views

- [Kenapa Mahu Menjadi Doktor?](#) - 47,509 views
- [Cinta Songsang Semakin Songsang](#) - 40,035 views
- [Fitnah Filem Fitna!](#) - 35,662 views
- [Adam-adam Sebelum ADAM?](#) - 33,339 views
- [Cinta Tanpa Syarat](#) - 32,114 views
- [Erti Sebuah Perkahwinan](#) - 23,902 views
- [Sepinggalan Dosa Berulam 'Pahala'](#) - 22,241 views
- [Facebook: Antara Pro dan Kontra](#) - 21,580 views
- [Sukarnya Menjadi Genius](#) - 20,923 views
- [Entry #1000: Saya Bukan Ahli Politik, Tetapi...](#) - 20,639 views

## • Email

- [Rumahtangga Hilang Perencah Kata](#) - 89 emails
- [Di Dalam Dunia Yang Serba TIDAK PATUT Ini](#) - 70 emails
- [Facebook: Antara Pro dan Kontra](#) - 56 emails
- [Nota Ringkas: Mengapa Ramadhan Tidak Berkesan?](#) - 47 emails
- [Selamatkan Rumahtangga Dengan Hikmah Puasa](#) - 47 emails
- [Pemikiran Skeptik Yang Menyakitkan Umat](#) - 34 emails
- [Justifikasi Seorang Teman](#) - 34 emails
- [Separuh Masa Kedua Piala Taqwa!](#) - 32 emails
- [Merawat Budaya Kuning Anak-anak](#) - 27 emails
- [Rayuan Derma Untuk Penderma Hati](#) - 26 emails

## • Pasukan STC

- [M.O.V.I.N.G-F.O.R.W.A.R.D.S](#) Blog Pengarah Pentadbiran & Kewangan

© Copyright 2007-2018 Saifulislam.Com. Copyrights Reserved.

Saifulislam.Com is powered by [WordPress](#) and [Chameleon](#) - Site design by [Alkivia](#)